MIDA
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



# Bersama dengan ASEAN

LAPORAN TAHUNAN 2014

MIDA

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2014






# Kandungan


MERAPATKAN JURANG
Aktiviti-aktiviti strategik MIDA amatlah penting dalam menarik pelaburan yang akan membantu Malaysia mencapai matlamatnya — 4

PENGURUSAN
Lembaga Pengarah, Pasukan Pengurusan dan Struktur Organisasi MIDA pada tahun 2014 — 8

LEMBAGA DAN FUNGSINYA
MIDA adalah agensi utama Malaysia bagi mempromosikan pelaburan, yang berkhidmat untuk menjayakan agenda pembangunan ekonomi negara — 14

BERSAMA ASEAN
Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA, meramalkan peluang-peluang baharu ukuran perhubungan negara-negara ASEAN yang semakin erat — 16

MERANGSANG KEKUATAN INOVATIF
Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA menetapkan sasaran terhadap pelaburan berkualiti berasaskan inovasi — 20

PESISIR ASIA YANG CERAH
Tahun yang penting bagi Asia dan MIDA dalam menarik pelaburan — 24

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN
Sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu paling penting bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia — 26

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN
Meskipun ketidakpastian yang melanda persekitaran ekonomi global, sektor perkilangan terus mengekalkan keyakinan para pelabur — 34

BERFIKIR SECARA STRATEGIK
Pada tahun 2014 MIDA terus menerajui agenda pelaburan negara sejajar dengan matlamat strategik Malaysia — 48

PENYATA KEWANGAN
Penyata kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 — 58

LAMPIRAN
Penyertaan MIDA dalam acara-acara tempatan dan luar negara, lawatan VIP dan aktiviti dan promosi lain pada tahun 2014 — 78

TEMUI MIDA
MIDA diwakili oleh 23 pejabat di seluruh dunia dan di semua negeri dalam Malaysia — 90




# Merapatkan Jurang

*Aktiviti strategik MIDA adalah penting untuk menarik pelaburan yang akan membantu memacu Malaysia ke arah matlamatnya menjadi negara berpendapatan tinggi dan ekonomi berteraskan pengetahuan. Asas-asas ekonomi negara yang kukuh dan rekod prestasi yang terbukti akan menyumbang dengan baik untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dan mengharungi cabaran yang bakal muncul.*

Malaysia mengekalkan status kecemerlangannya sebagai tumpuan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment,* FDI) yang menerima aliran masuk FDI ketujuh terbesar di Asia pada 2014 mendahului Republik Korea, Taiwan dan Vietnam. Ini berlaku ketika negara-negara membangun di Asia sedang dalam proses menjadi pusat tumpuan baharu untuk pelaburan. Kira-kira 55 peratus daripada jumlah aliran masuk FDI global, atau lebih daripada AS$681 bilion, memasuki negara-negara membangun, dengan hampir setengah trilion dolar ke destinasi-destinasi pelaburan di Asia.

Para pelabur di seluruh dunia telah mula mengenali kelebihan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia. Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum,* WEF) meletakkan negara sebagai kerajaan yang kelapan paling cekap di peringkat global dalam Indeks Daya Saing Global (*Global Competitiveness Index,* GCI) 2014-2015, mendahului Switzerland (tempat kesembilan) dan Luxembourg (tempat kesepuluh). Malaysia juga naik enam tempat untuk diiktiraf sebagai destinasi pelaburan yang keenam paling menarik di dunia seperti yang disenaraikan oleh Indeks Keberuntungan Asas (*Baseline Profitability Index,* BPI) 2015 yang dikeluarkan oleh *Foreign Policy Magazine.*

Daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan amatlah penting bagi menarik aliran masuk ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama untuk menerajui pertumbuhan ekonomi negara dan membantu mencapai sasarannya. Rancangan Malaysia Kesepuluh setakat ini telah mencapai pelaburan swasta purata RM162 bilion setiap tahun pada harga semasa dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) menyasarkan pelaburan swasta purata RM291 bilion setahun (harga semasa) untuk Malaysia mencapai matlamat transformasi ekonominya dan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

## Memarakkan pertumbuhan berimpak tinggi

RMK-11 telah menggariskan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (*Malaysian National Development Strategy,* MyNDS), yang bertujuan untuk mencapai impak tinggi dengan cepat kepada kedua-dua ekonomi modal dan ekonomi rakyat pada kos yang rendah kepada Kerajaan. Pelaburan dalam bidang-bidang seperti pengangkutan, logistik, kemudahan perdagangan, infrastruktur ICT, tenaga dan utiliti secara langsung akan menyokong ekonomi modal. Pada masa yang sama, pelaburan berkualiti dalam aktiviti berintensifkan pengetahuan akan bergerak selari dengan teras strategik negara untuk meningkatkan produktiviti pekerja dan mewujudkan peluang pekerjaan




**Sumber:** *Jabatan Perangkaan Malaysia*

berkemahiran tinggi, dengan itu memberi manfaat kepada ekonomi rakyat. Pelaburan dalam teknologi lestari juga akan menyokong strategi pertumbuhan hijau Kerajaan.

Membawa strategi ini sehingga membuahkan hasil bukanlah satu usaha yang mudah. Sebagai agensi utama negara untuk promosi pelaburan, MIDA perlu memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti strategik dan berusaha lebih gigih untuk menangani keadaan ekonomi yang tidak menentu dan mengekalkan momentum prestasi pelaburan Malaysia setakat ini.

Kerajaan tidak membuang masa dalam meluaskan aktiviti promosi pelaburan dan perdagangannya ke luar negara, memandangkan para pelabur dunia bertumpu ke rantau Asia dalam mencari peluang pelaburan. MIDA telah menyertai tujuh misi perdagangan dan pelaburan ke China, India, Eropah, Jepun dan Republik Korea. Misi-misi itu, bersama-sama dengan usaha pejabat-pejabat MIDA di luar negara, telah banyak menyumbang kepada peningkatan profil Malaysia di luar negara.

Di rantau Asia, Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bersedia untuk menjadi kuasa ekonomi pada masa depan dan diunjurkan menjadi ekonomi keempat terbesar di dunia menjelang tahun 2050. Selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mengemudi kumpulan serantau itu ke arah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community,* AEC), yang akan mengurangkan halangan perdagangan dan pelaburan, serta memastikan peluang yang diperluaskan untuk perniagaan di seluruh rantau ini.




## Merapatkan jurang utama

Walaupun pelaburan asing memainkan peranan utama dalam pertumbuhan masa depan Malaysia, tetapi sumbangan pelaburan tempatan juga yang akhirnya akan mengekalkan perkembangan ekonomi negara. Dana Strategik Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Strategic Fund,* DISF) yang dilancarkan pada tahun 2012, bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat milik Malaysia dalam industri teknologi tinggi dan nilai ditambah tinggi, intensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. Sejumlah 148 projek telah mendapat manfaat daripada geran yang diluluskan sebanyak RM631.8 juta setakat akhir tahun 2014, dengan lebih separuh daripada geran itu diberikan kepada industri Elektrik & Elektronik dan industri Jentera & Kejuruteraan Maju.

Peranan MIDA dalam sokongan dasar juga penting untuk merapatkan jurang antara keperluan industri dan polisi Kerajaan. Oleh itu, MIDA telah menubuhkan Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Pelaburan (ICCO) yang bertujuan untuk meningkatkan penyelarasan dan keberkesanan keseluruhan insentif yang ditawarkan oleh kesemua Kementerian dan Agensi. Tanggungjawabnya termasuk penyelarasan dan nasihat kepada agensi-agensi yang menguruskan insentif cukai dan bukan cukai; memberi pendedahan terhadap prestasi dan jurang insentif untuk pihak-pihak berkuasa yang meluluskan dan mengawasi insentif; dan memberi perkhidmatan kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing.

Malaysia telah menjadi pilihan pertama bagi banyak syarikat teknologi dan syarikat multinasional lain kerana tenaga kerjanya yang berpendidikan disokong oleh kemudahan persekitaran pekerjaan. Untuk mengekal dan memanjangkan kelebihan daya saing Malaysia dari segi bakat, MIDA bekerjasama dengan Kementerian dan agensi-agensi berkaitan untuk menguruskan pembangunan bakat dan latihan tenaga kerja tempatan.

Pelarasan pasaran di China, krisis zon Euro yang berlarutan, kejatuhan harga minyak dan kejatuhan nilai ringgit memberi isyarat bahawa Malaysia bakal menghadapi masa yang sukar. Kerjasama rapat MIDA dengan agensi-agensi Kerajaan, dan komitmen daripada peserta industri adalah diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini dan mencari peluang baharu melalui aktiviti promosi domestik dan global.

# Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MIDA terdiri daripada tiga belas (13) anggota diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dari Sabah. Lembaga Pengarah juga mempunyai lapan anggota daripada sektor swasta mewakili sektor-sektor komersial, perkilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Tiga mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2013.






**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**
Pengerusi, MIDA



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA (hingga 9 Februari 2014)



**DATO' AZMAN MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA (dari 10 Februari 2014)



**TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA**
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



**DATO' SITI HALIMAH ISMAIL**
Setiausaha, Bahagian Analisa Cukai Perbendaharaan Malaysia



**DATUK HAJI HASHIM PAIJAN**
Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Sabah



**DATUK NG PENG HONG @ NG PENG HAY**
Pengerusi, Wellcall Holdings Berhad



**DATUK DR K. GOVINDAN**
Ketua Pegawai Eksekutif, (Kumpulan) RAM Holdings Berhad



**DATUK NORIYAH AHMAD**
Pengerusi Bersama Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)



**DATO' GOOI SOON CHAI**
Naib Presiden Kanan, Order Fulfillment & Infrastructure Keysight Technologies Malaysia Sdn Bhd



**TENGKU DATO' ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ**
Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Investment Bank Berhad



**STUART L. DEAN**
Ketua Pegawai Eksekutif, GE ASEAN GE Global Growth & Operations



**DATUK SERI SAW CHOO BOON**
Presiden, Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)



**DATU HAJI ISMAWI HAJI ISMUNI**
Pengarah Unit Perancang Negeri, Sabah

# Pengurusan



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif
(hingga 9 Februari 2014)



**DATO' AZMAN MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif
(dari 10 Februari 2014)



**DATUK PHANG AH TONG**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I
(dari 10 Februari 2014)



**DATUK N. RAJENDRAN**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II (dari 1 Julai 2014)



**DR. AMIR ROSLAN ABU BAKAR**
Pengarah Eksekutif Kanan, Perancangan Strategik & Ekosistem Pelaburan
(hingga 30 Jun 2014)



**DATO' WAN HASHIM WAN JUSOH**
Pengarah Eksekutif Kanan, Perancangan Strategik & Ekosistem Pelaburan
(dari 1 Julai 2014)



**KANG LAY KIM**
Pengarah Eksekutif, Perancangan Strategik
(hingga 8 Jun 2014)



**DATO' MATHIALAKAN CHELLIAH**
Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkhidmatan (RESC, R&DBS)
(hingga 21 Julai 2014)



**N. SANGARAN**
Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkilangan (Sumber)



**JASWANT SINGH**
Pengarah Eksekutif, Ekosistem Pelaburan



**MOHAMED ZUHARI MOHAMED NOR**
Pengarah Eksekutif, Khidmat Pengurusan



**AZIAN MOHD YUSOF**
Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkhidmatan (O&G, KPH, CTEM)



**ZABIDI HJ. MAHBAR**
Pengarah Eksekutif, Perancangan Strategik
(dari 18 Ogos 2014)



**AHMAD KHAIRUDDIN ABDUL RAHIM**
Pengarah Eksekutif, Penggalakan Pelaburan
(dari 18 Ogos 2014)



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**
Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkilangan (Bukan Sumber)
(dari 18 Ogos 2014)



**LIM BEE VIAN**
Pengarah Eksekutif, Pembangunan Perkhidmatan (RESC, R&DBS)
(dari 18 Ogos 2014)







**ARHAM ABDUL RAHMAN**
Pengarah, Bahagian Koordinasi Pelaburan Asing



**INON ABDUL HAMID**
Pengarah, Bahagian Elektrikal dan Elektronik



**TENG YIT CHAN**
Pengarah, Penjagaan Kesihatan, Pendidikan & Hospitaliti



**MOHD RASLI MUDA**
Pengarah, Teknologi Makanan & Sumber Lestari
(dari 3 Februari 2014)



**TAN CHEE CHAI**
Pengarah, Bahagian Logam dan Industri Fabrikasi
(hingga 28 Oktober 2014)



**YEE NAI TUCK**
Pengarah, Bahagian Teknologi & Bisnes Frontier



**MOHD ZUKEPLI HJ. EMBONG**
Pengarah, Bahagian Pelaburan Tempatan



**HAFIZAH SHAHAR**
Pengarah, Bahagian Khidmat Sokongan



**JASBIR KAUR A/P BACHAN SINGH**
Pengarah, Bahagian Tarif



**FARIDAH ABDULLAH**
Pengarah, Bahagian Jentera & Peralatan dan Kejuruteraan Termaju



**CHOO WAI MENG**
Pengarah, Bahagian Statistik Pelaburan



**SHAHROL SHAHABUDDIN**
Pengarah, Sekretariat Pelaburan Nasional



**ROESLINA ABBAS**
Pengarah, Bahagian Penubuhan Serantau & Pengurusan Rantaian Bekalan



**M. UMARANI**
Pengarah, Bahagian Kimia & Bahan Termaju



**RASHIDAH OTHMAN**
Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik & Advokasi Dasar



**BALKISH MOHD YASIN**
Pengarah, Bahagian Minyak & Gas
(dari 1 Julai 2014)

# Pengurusan



**ZUAIDA ABDULLAH**
Pengarah, Bahagian Teknologi Bersih & Pengurusan Persekitaran
(dari 18 Ogos 2014)



**WAN HASHIMAH WAN SALLEH**
Pengarah, Teknologi Bangunan & Gaya Hidup
(dari 1 Julai 2014)



**ZALINA ZAINOL**
Pengarah, Bahagian Komunikasi Pelaburan
(dari 1 Julai 2014)



**MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR**
Pengarah, Bahagian Pengurusan Talent Industri
(dari 18 Ogos 2014)



**NORMI ALIAS**
Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
(dari 18 Ogos 2014)



**RAMLI BAKAR**
Pengarah, Bahagian Teknologi Pengangkutan
(dari 18 Ogos 2014)



**NOR 'AINI MAT TALHA**
Pengarah, Bahagian Pematuhan dan Pemantauan Pelesenan dan Galakan
(dari 18 Ogos 2014)



**AHMAD TAJUDIN OMAR**
Pengarah, Bahagian Sains Hayat dan Teknologi Perubatan
(dari 14 Julai 2014)



**NOOR AIEDA AHMAD**
Timbalan Pengarah Kanan, R&D & Perkhidmatan Bisnes
(dari 18 April 2014)



**ZAINI ISHAK**
Pengarah, Bahagian Pengurusan Kewangan



**FAUZIAH ADAM**
Pengarah, Bahagian Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat



**HASLIDAH JAAFAR**
Ketua Unit, Maklumat Pelaburan



**NADIA ZAINAL AZMIAN**
Ketua Unit, Perundangan dan Hubungan Kerajaan
(dari 15 Mei 2014)



**JOHARIAH URIB MOHD ARIFIN**
Ketua Unit, Audit Dalaman
(dari 31 Julai 2014)

# Struktur Organisasi

Carta Organisasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Pada 31 Disember 2014)

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
  - PEJABAT PENGURUSAN TRANSFORMASI
  - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF I
    - Pembangunan Perkilangan (Bukan Sumber): Elektrikal & Elektronik • Jentera & Peralatan dan Kejuruteraan Termaju • Teknologi Bangunan dan Gaya Hidup • Teknologi Pengangkutan
    - Pembangunan Perkhidmatan (RESC & RDBS): Penubuhan Serantau & Pengurusan Rantaian Bekalan • R&D & Perkhidmatan Bisnes • Pejabat Koordinasi dan Kerjasama Insentif (ICCO)
  - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF II
    - Pembangunan Perkilangan (Sumber): Kimia dan Bahan Termaju • Teknologi Makanan dan Sumber Lestari • Sains Hayat dan Teknologi Perubatan • Logam dan Logam Aloi
    - Pembangunan Perkhidmatan (O&G, KPH, CTEM): Minyak & Gas • Penjagaan Kesihatan, Pendidikan dan Hospitaliti • Teknologi Bersih dan Pengurusan Persekitaran
  - PENGARAH EKSEKUTIF KANAN (Perancangan Strategik & Ekosistem Pelaburan)
    - Perancangan Strategik: Perancangan Strategik & Advokasi Dasar • Statistik Pelaburan • Teknologi dan Bisnes Frontier • Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat • Sekretariat Pelaburan Nasional
    - Ekosistem Pelaburan: Pematuhan dan Pemantauan Pelesenan dan Galakan • Tarif • Infrastruktur dan Khidmat Sokongan • Pengurusan Talent Industri
  - PENGGALAKAN PELABURAN: Koordinasi Pelaburan Asing • Pelaburan Tempatan • Komunikasi Pelaburan • Maklumat Pelaburan
  - PERKHIDMATAN PENGURUSAN: Pengurusan Korporat • Pengurusan Kewangan • Pengurusan Sumber Manusia • Perundangan dan Hubungan Kerajaan • Audit Dalaman

# Lembaga dan Fungsinya

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

MIDA
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada tahun 2011, Akta tersebut dipinda dan diberi nama baharu Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 dengan pelancaran Model Baru Ekonomi (*New Economic Model,* NEM). Menurut Akta MIDA, fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
    - » pemberian lesen pengilang;
    - » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
    - » jawatan pegawai dagang;
    - » mengena atau memotong dan mengecuali daripada duti kastam; dan
    - » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);




- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitannya (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesyoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.



# Bersama ASEAN

*Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 akan membantu merealisasikan potensi ASEAN sebagai pasaran yang lebih besar dan lebih bersatu melalui Komuniti Ekonomi ASEAN dan seterusnya.*

Pada tahun 2014, Malaysia telah mencatat kemajuan yang menggalakkan dalam matlamatnya untuk menjadi sebuah negara maju. Meskipun menghadapi kesukaran akibat pergolakan ekonomi antarabangsa, kejatuhan nilai ringgit, kejatuhan harga minyak dan penurunan aliran FDI global, Malaysia sekali lagi memecahkan rekod pelaburan dan mengekalkan kedudukan luaran yang berdaya tahan di samping terus mencapai kemajuan dalam negara.

Pelaburan yang diluluskan di Malaysia telah melebihi paras tertinggi pra-2009 pada tahun 2011, serta meneruskan trend pertumbuhannya sejak lima tahun lalu. Meskipun Bank Dunia secara pesimis meramalkan pertumbuhan yang lebih rendah, pelaburan baharu yang diluluskan pada tahun 2014 mencecah RM235.9 bilion. Prestasi pelaburan Malaysia mengatasi sasaran purata pelaburan tahunan RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), manakala nisbah pelaburan asing kepada pelaburan domestik sebanyak 27.4: 72.6 juga adalah selaras dengan sasaran negara. Sumbangan besar pelaburan domestik akan membantu negara mencapai matlamat untuk membangunkan satu ekonomi swakekal berpendapatan tinggi. Sementara itu, majoriti pelaburan asing telah disuntik ke dalam sektor perkilangan oleh syarikat-syarikat wujud yang telah tertubuh di dalam negara dan ingin mengembangkan operasi mereka. Sumber-sumber utama pelaburan asing pada tahun 2014 ialah Jepun, Kesatuan Eropah, Singapura, China, Korea dan Amerika Syarikat. Aliran FDI yang ketara juga telah memasuki negara-negara lain di rantau ASEAN, yang mencerminkan potensi pertumbuhan rantau ini.

Selaku pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Malaysia akan dapat membantu merealisasikan potensi ASEAN

## Arus peningkatan di seluruh rantau

Malaysia merupakan sebuah destinasi pelaburan berpotensi yang unik, dan sudah pasti akan lebih maju melalui hubungan rapatnya dalam ASEAN. Selaku pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Malaysia akan dapat membantu merealisasikan potensi ASEAN sebagai sebuah rantau pelaburan yang bersepadu sepenuhnya. Usaha berterusan untuk menubuhkan kawasan-kawasan perdagangan bebas dalam ASEAN dan dengan negara-negara jiran telah menghasilkan peningkatan ketara dalam aliran FDI serta pelaburan antara rantau. Syarikat-syarikat asing sedang menumpukan perhatian terhadap rantau ini untuk menubuhkan pusat operas iaitu, satu faktor yang akan meningkatkan peluang Malaysia untuk menjadi destinasi pilihan bagi syarikat multinasional utama yang ingin menubuhkan pejabat atau kemudahan serantau seperti ibu pejabat operasi.

Peralihan arus pasaran yang berterusan ke arah negara-negara Asia akan membantu untuk merangsang pembangunan rantau ASEAN. Kuasa pembelian daripada demografi tertentu dan standard teknologi yang semakin meningkat di rantau ini, telah menjadikan ASEAN satu pasaran pertumbuhan yang penting. Kedua-dua Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pasaran ASEAN selanjutnya. Kemasukan pelabur dan syarikat baharu juga akan membawa kemajuan teknologi dan peluang perkongsian pengetahuan di samping peluang pekerjaan untuk bakat tempatan.

Daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan kebanyakannya bergantung kepada kekuatan institusi, strategi dan dasar yang pragmatik serta pro-perniagaan. Pada tahun 2014, Malaysia memperbaiki kedudukan daya saingnya dengan menokok

empat anak tangga ke tempat ke-20 dalam Laporan Daya Saing Global (*Global Competitiveness Report*) dari tempat ke-24 pada tahun sebelumnya. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat ketiga selepas Singapura (2) diikuti oleh Thailand (31). Kedudukan global Malaysia dalam melindungi pelabur minoriti tidak berubah, kekal iaitu pada kedudukan ke-5 yang mengkagumkan daripada keseluruhan 189 negara dan mendahului Amerika Syarikat (25), Korea (21) dan Denmark (17).

## Berpaksikan bakat

Pertumbuhan Malaysia sebagai sebuah negara didorong terus oleh kualiti rakyatnya. Bakat Malaysia yang lebih mahir dan berfikiran terbuka pada peringkat antarabangsa, telah mendorong keyakinan syarikat tempatan dan multinasional untuk menempatkan operasi perniagaan mereka di dalam negara ini. Usaha negara untuk terus menambahbaik tenaga kerja tempatan telah jelas memberi kesan, ini dapat dilihat dari kedudukan Malaysia yang telah melonjak dari tempat ke-20 ke tangga ke-5 dalam IMD *World Talent Rankings,* iaitu satu laporan yang bertujuan untuk menilai dan mengelaskan negara mengikut pendidikan, kesediaan tempat kerja dan daya tarikan korporat rakyatnya.

MIDA akan terus memberi tumpuan kepada misinya untuk membangunkan persekitaran pelaburan negara memandangkan integrasi ASEAN semakin hampir. MIDA akan terus memainkan peranan utama dalam menyelaraskan aktiviti promosi pelaburan, dengan bekerjasama dengan Kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain. Usaha sama antara MIDA dan pelbagai Kementerian, agensi, institusi pendidikan dan industri telah membolehkan Malaysia bersaing dan membangun dengan baik, walaupun ketidaktentuan ekonomi global.

Selaku pengerusi MIDA, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat atas usaha mereka, dari pihak pengurusan dan kakitangan MIDA yang telah bekerja keras untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan, kepada peserta industri, pihak berkepentingan yang lain dan rakyat amnya yang menyumbang kepada ekonomi dengan lebih meluas. Walaupun terdapat banyak dugaan dalam perjalanan negara kita untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, saya yakin bahawa Malaysia akhirnya akan menjadi semakin kukuh.

**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**
**PENGERUSI, MIDA**



Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA, membentangkan Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia 2014 kepada YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.



# Merangsang Kekuatan Inovatif

*Dalam misi untuk menarik pelaburan, MIDA perlu mensasar projek berkualiti yang berpotensi untuk mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia, terutamanya pelaburan domestik ke dalam aktiviti R&D.*

Saya berbangga untuk membentangkan Laporan Tahunan 2014 Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Ekonomi global menunjukkan prestasi berbeza-beza pada tahun 2014, dengan pertumbuhan yang bertambah baik di Amerika Syarikat berbanding dengan prestasi lemah di Kesatuan Eropah dan kebanyakan ekonomi utama lain. Namun begitu, Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan utama untuk pelaburan langsung sepanjang tahun 2014 dengan pelaburan yang diluluskan meningkat 8.96 peratus kepada RM235.9 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan langsung asing (FDI) meningkat 8.57 peratus kepada RM64.6 bilion, manakala pelabur tempatan menunjukkan keyakinan mereka terhadap prospek Malaysia dengan pelaburan domestik meningkat 9.1 peratus kepada RM171.3 bilion pada tahun 2014. Secara keseluruhan, pelaburan pada tahun 2014 disalurkan di dalam 5,942 projek yang dijangka akan mewujudkan 178,365 pekerjaan yang kebanyakannya dalam industri teknologi tinggi dan bernilai ditambah yang tinggi.

Ketika pelaburan ke Malaysia semakin bertambah, sektor perkhidmatan mendahului dengan 5,059 projek bernilai RM149.6 bilion, yang mana RM131.9 bilion (88.2%) adalah daripada sumber domestik. Pelaburan-pelaburan ini dijangka mewujudkan 98,543 peluang pekerjaan. Walaupun sektor perkhidmatan terus menarik sebahagian besar pelaburan, sektor perkilangan Malaysia kekal sebagai penyumbang penting dalam ekonomi dengan menarik RM71.9 bilion dalam 811 projek yang diluluskan. Lebih daripada separuh (RM39.6 bilion atau 55.1%) daripada pelaburan sektor perkilangan berpunca daripada sumber asing, manakala baki 44.9 peratus adalah daripada pelabur tempatan.

Pelabur asing juga menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan RM14.4 bilion yang diluluskan dalam sektor utama pada tahun 2014. Sub-sektor perlombongan dengan 36 projek yang diluluskan, menyumbang RM13.4 bilion daripada jumlah ini.

Sepanjang tahun pertama saya memegang jawatan ini, MIDA terus mengukuhkan kekuatannya sebagai sebuah organisasi. Pada tahun 2014, MIDA telah menerima 1,050 pertanyaan daripada pelabur dalam dan luar negara mengenai penubuhan projek pada masa depan. Kami juga menjadi tuan rumah kepada lebih 350 kunjungan delegasi asing yang memberi peluang untuk kami memberi taklimat kepada bakal pelabur mengenai dasar, infrastruktur, insentif dan peluang untuk berkembang dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia.

## Memperjuangkan pelaburan berkualiti

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme,* ETP), MIDA telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras aktiviti pelaburan dan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, koridor-koridor wilayah dan agensi-agensi pembangunan dalam negara. Pada tahun 2014, kami telah melaksanakan usaha untuk mendekati dan berhubung dengan pelabur berpotensi melalui tujuh Misi Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Missions,* TIM). Tujuan TIM ini adalah jelas – iaitu untuk mendedahkan para pelabur asing terhadap iklim perniagaan di Malaysia dan memberikan tinjauan mengenai ekonomi dan teknologi Malaysia dalam masa terdekat. Dalam misi-misi ini, kami menganjurkan seminar mengenai peluang perdagangan dan pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pemadanan perniagaan dan sesi *networking*; usaha-usaha ini juga telah dijalankan di dalam negara bagi memberi tumpuan terhadap pelabur tempatan.

Dengan mengambil kira Model Ekonomi Baharu dan wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, MIDA menyasarkan pelaburan berkualiti yang akan

membolehkan sektor perkilangan Malaysia meneruskan evolusinya daripada pengilangan bernilai rendah kepada pengkhususan bernilai tinggi yang dipacu oleh R&D. Pertumbuhan industri yang menggunakan teknologi baru muncul telah memberi satu peluang yang unik kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengawasi trend pertumbuhan masa depan. Di MIDA, kami mencari projek-projek yang membolehkan syarikat tempatan untuk membangunkan lagi kebolehan mereka dan mendapat manfaat daripada perkongsian pengetahuan. Untuk itu, kami memperjuangkan projek-projek baharu yang membangun atau menggunakan teknologi baharu dalam bidang seperti *graphene*, peranti perubatan dan kejuruteraan aeroangkasa.

Di MIDA, kami mencari projek-projek yang membolehkan syarikat tempatan untuk membangunkan lagi kebolehan mereka dan mendapat manfaat daripada perkongsian pengetahuan.

Kemasukan projek-projek dan pelabur baharu telah juga secara stabil telah menjana peluang pekerjaan baharu untuk rakyat. Dengan menyasarkan projek-projek yang berkualiti tinggi, kami telah mewujudkan satu ruang bagi rakyat Malaysia mengakses peluang pekerjaan berpendapatan tinggi yang lebih baik. Melangkah ke hadapan, kami perlu memastikan bahawa kemahiran tenaga kerja tempatan akan terus membangun dan bertambah baik seiring dengan infrastruktur dan pekerjaan di negara ini.

## Berdedikasi untuk misi

Misi kami untuk menarik pelaburan tidak berubah serta kaedah-kaedah untuk mencapainya sentiasa bertambah baik. Di MIDA, kami menjadikan inovasi, pembelajaran dan pembangunan yang berterusan sebagai teras bagi mengekalkan kelebihan kami dalam menghadapi persaingan antarabangsa untuk mendapatkan pelaburan. Dalam memenuhi matlamat ini, sebahagian besar (70%) daripada 183 program pembangunan sumber manusia yang dilaksanakan pada tahun 2014 memberi tumpuan kepada perkara-perkara khusus dan kemahiran kepimpinan. Program tersebut merangkumi penglibatan pekerja baharu melalui program penyesuaian kami; bengkel pembangunan kemahiran pengurusan dan kepimpinan, persijilan dan piawaian; dan program-program latihan di luar negara untuk mendedahkan kumpulan pengurusan pertengahan kepada gaya dan amalan kepimpinan global.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Noharuddin Nordin mantan Ketua Pegawai Eksekutif atas kerja-kerja yang telah beliau lakukan selama ini. Dengan sokongan kakitangan yang komited dan berdedikasi di MIDA serta sokongan rakan-rakan kami di Kementerian dan agensi serta industri berkaitan saya berharap untuk meneruskan agenda promosi pelaburan negara ini pada tahun-tahun akan datang.

**DATO' AZMAN MAHMUD,**
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, MIDA**



Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif baharu MIDA mengambil bahagian dalam majlis penyerahan rasmi nota dari mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Noharuddin Nordin.




# Pesisir Asia Yang Cerah

*Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar untuk pelaburan disebabkan oleh pemulihan global yang lembap. Di bawah pemantauan MIDA, Malaysia telah menongkah arus dan kekal sebagai destinasi utama untuk pelaburan swasta.*





Aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah menurun sebanyak 16 peratus pada tahun 2014 kepada anggaran AS$1.23 trilion dalam ketidaktentuan ekonomi dan politik di kebanyakan negara, berbanding AS$1.47 trilion pada tahun 2013. Keadaan yang bergelora ini menyumbang kepada penurunan sebanyak 28 peratus dalam aliran masuk FDI ke negara-negara maju dan kemerosotan separuh daripada aliran masuk FDI ke ekonomi-ekonomi peralihan. Namun, ekonomi yang sedang membangun terus menunjukkan prestasi yang baik, menyumbang sebanyak 56 peratus daripada keseluruhan aliran masuk FDI global pada tahun 2014. Ketika para pelabur meninjau pesisiran yang lebih cerah untuk pelaburan, aliran masuk ke negara-negara ini telah meningkat sebanyak empat peratus sehingga mencapai tahap tertinggi yang baharu sebanyak AS$681 bilion. Selain itu, negara-negara membangun di Asia telah merangkul peratusan terbesar daripada pelaburan ini yang meningkat sebanyak 19 peratus kepada jumlah AS$465 bilion pada tahun 2014. Sambil mengekalkan kedudukannya sebagai kuasa ekonomi Asia, China telah menjadi penerima FDI terbesar di dunia dengan jumlah AS$128 bilion, peningkatan sebanyak empat peratus berbanding tahun 2013. Sementara itu, aliran masuk FDI ke India telah meningkat sebanyak 22 peratus kepada AS$34 bilion.

Bagi MIDA, tahun 2014 mencatatkan satu lagi pencapaian yang penting. Pelaburan swasta yang diluluskan di Malaysia telah mencapai rekod tertinggi yang baharu sebanyak RM235.9 bilion pada tahun 2014, peningkatan sebanyak 7.5 peratus berbanding RM219.4 bilion yang direkodkan pada tahun 2013. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 akan membiayai 5,942 projek dan dijangka akan mewujudkan 178,365 pekerjaan baharu yang kebanyakannya terdiri dalam industri berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi. Sumber domestik yang berjumlah RM171.3 bilion (72.6%) menyumbang bahagian terbesar pelaburan yang diluluskan, sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mempunyai nisbah pelaburan langsung domestik kepada pelaburan langsung asing sebanyak 73:27 menjelang tahun 2020. Pelaburan swasta yang direalisasikan, diukur menerusi Pembentukan Modal Tetap Kasar (*Gross Fixed Capital Formation,* GFCF) telah meningkat sebanyak 13.1 peratus untuk mencapai rekod baharu sebanyak RM181.5 bilion, 22.6 peratus lebih tinggi berbanding purata sasaran tahunan RM148 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Pelaburan swasta yang disasarkan akan menjadi pemacu utama dalam transformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan

tinggi dengan Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income,* GNI) sebanyak RM1.7 trilion menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Pelabur-pelabur domestik khususnya telah menyokong matlamat ini melalui pelaburan mereka dalam bidang inovasi, latihan dan teknologi baharu. Di bawah Dana Strategik Pelaburan Tempatan (*Domestic Investment Strategic Fund,* DISF), sebanyak 34.8 peratus (RM220.1 juta) daripada geran yang diluluskan telah disalurkan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), sementara 8.9 peratus (RM56.6 juta) disalurkan kepada aktiviti latihan dan empat peratus lagi (RM25.6 juta) kepada pelesenan dan pembelian teknologi baharu atau teknologi tinggi. Pelaburan yang diluluskan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas,* NKEA) menyumbang sebanyak 40.5 peratus daripada keseluruhan pelaburan (RM95.5 bilion) sementara pelaburan dalam bidang bukan-NKEA menyumbang kepada baki pelaburan sebanyak RM140.4 bilion.

## Pelaburan dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berterusan menjadi pemacu paling penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia, terutamanya dengan sokongan subsektor-subsektor yang memenuhi permintaan domestik yang turut menyumbang 61.4 peratus daripada jumlah pekerjaan. MIDA telah meluluskan sejumlah 5,059 projek dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM149.6 bilion (2013: RM144.7 bilion), yang menjadikannya sektor pelaburan terbesar yang diluluskan ke dalam ekonomi negara. Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2014 dijangka akan menjana sebanyak 98,543 peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan.

Sektor perkhidmatan adalah sangat penting kerana perkhidmatan pertengahan seperti perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan pengangkutan memberi impak secara langsung terhadap daya saing ekonomi negara dengan berperanan sebagai input dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan lain.

**MIDA telah meluluskan sejumlah 5,059 projek dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM149.6 bilion (2013: RM144.7 bilion).**

Sejumlah 88.2 peratus (RM131.9 bilion) pelaburan dalam perkhidmatan merupakan sumber domestik, dan bakinya (RM17.7 bilion) adalah sumber asing. Subsektor utama untuk pelaburan adalah hartanah (RM88.5 bilion), utiliti (RM9.0 bilion), perdagangan pengedaran (RM8.7 bilion), perkhidmatan kewangan (RM6.9 bilion) serta hotel dan pelancongan (RM6.7 bilion).

Negara-negara ASEAN meneruskan usaha ke arah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Perkembangan ini juga akan menjana peningkatan peluang baharu untuk pelaburan dalam sektor perkhidmatan di rantau ini yang telah menyumbang lebih 50 peratus daripada jumlah keseluruhan FDI ASEAN. Malaysia dijangka akan beroleh manfaat daripada aliran bebas perkhidmatan seperti yang digariskan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (ASEAN *Framework Agreement on Services,* AFAS).

Malaysia terus menyerlah sebagai destinasi penempatan luar pesisir (*offshoring*) yang menarik menerusi Indeks Lokasi A.T. Kearney Global Services yang sekali lagi meletakkan Malaysia di tangga ke-3 pada tahun 2014. Kestabilan politik negara, persekitaran yang berbilang bahasa serta harga yang berpatutan merupakan kelebihan Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara lebih besar seperti India dan China yang





**Jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia, 2014**
(RM bilion)




**JUMLAH: RM235.9 BILION**

masing-masing berada di tangga pertama dan kedua.

Pada tahun 2014, sebanyak 162 projek telah diluluskan melibatkan pelaburan sebanyak RM3.0 bilion untuk menubuhkan operasi serantau di Malaysia, termasuk 16 ibu pejabat operasi (*operational headquarters,* OHQ), enam pusat perolehan antarabangsa (*international procurement centre,* IPC), tiga pusat pengedaran serantau (*regional distribution centre,* RDC), 48 pejabat serantau, 72 pejabat perwakilan dan empat pusat pengurusan perbendaharaan (*treasury management centre,* TMC). Selain itu, tujuh projek hab operasi global yang baharu telah diluluskan pada tahun 2014 melibatkan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion dan menyediakan 1,268 peluang pekerjaan, termasuk projek pembesaran oleh PKT Logistics (M) Sdn Bhd bernilai RM1.0 bilion untuk memperbesar dan mempelbagaikan perkhidmatan logistik bersepadunya di Shah Alam, Kuantan dan Pulau Pinang sambil mewujudkan 286 peluang pekerjaan untuk warga Malaysia.

Untuk meluaskan capaian aktiviti-aktiviti Perkhidmatan Logistik Bersepadu (*Integrated Logistics Services,* ILS) di Malaysia, pada tahun 2014 Kerajaan telah menganugerahkan status ILS kepada sembilan syarikat dan status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services,* IILS) kepada lapan syarikat. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk mempercepatkan pembangunan industri logistik di bawah Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi (*Logistics and Facilitation Master Plan*) yang baru dilancarkan.



## Pemerkasaan industri

Di sebalik kejatuhan harga minyak mentah global pada tahun 2014, **industri minyak dan gas (*oil & gas,* O&G)** terus memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Untuk kekal relevan, industri ini perlu memulakan langkah baharu dengan mencari pasaran-pasaran dan aktiviti-aktiviti baharu. Pada tahun 2014, MIDA telah menyelia empat projek yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perkhidmatan O&G dengan pelaburan berjumlah RM3.2 bilion. Syarikat-syarikat ini menyediakan perkhidmatan dalam aktiviti huluan dan hiliran seperti membaiki, membaharui dan menaiktaraf kemudahan, dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 2,807 peluang pekerjaan.

Pusat Pemantauan dan Diagnostik Jarak Jauh Kuala Lumpur GE (iCenter GE) telah dilancarkan pada Oktober 2014 untuk terus mengukuhkan ekosistem O&G. Pusat ini menyediakan sokongan kritikal kepada operasi keseluruhan syarikat-syarikat O&G utama di seluruh dunia yang menjadikan Malaysia sebuah hab O&G global yang penting.

Dasar Tenaga Nasional telah memilih **tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy,* RE)** sebagai Bahan Api Kelima yang menggariskan kepentingan penggunaan biomas, tenaga solar dan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat Kerajaan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. Dalam masa yang sama, Malaysia merupakan pengeluar utama komoditi pertanian di mana ladang-ladang kelapa sawitnya tidak pernah lekang dengan sumber biomas untuk diubah menjadi tenaga. Kajian juga telah menunjukkan bahawa Malaysia berpotensi besar untuk mengeksploitasi tenaga solar dan hidroelektrik. MIDA telah meluluskan pelaburan RE berjumlah RM1.2 bilion pada tahun 2014, yang terdiri daripada 55 projek tenaga solar dan 15 projek tenaga boleh diperbaharui yang lain. Hampir kesemua pelaburan (96.6%) merupakan sumber domestik dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 743 pekerjaan.

Para pelabur juga telah beralih kepada teknologi yang berkecekapan dan menjimatkan tenaga untuk memenuhi keperluan tenaga sambil mengurangkan impak terhadap kos dan alam sekitar. Insentif-insentif Kerajaan dan peningkatan tarif tenaga juga merupakan faktor yang mendorong penggunaan teknologi yang lebih cekap tenaga dalam sektor swasta. Tujuh **projek berkecekapan dan penjimatan tenaga** bernilai RM59.0 juta telah diluluskan pada tahun 2014, di mana tiga daripadanya dalam industri perkilangan, sementara empat dalam subsektor hospitaliti dan pembangunan hartanah bersepadu. Projek yang terbesar di kalangan kelulusan ini adalah projek menara pejabat berkonsepkan hijau di Sunway Resort City, Selangor (RM40.4 juta).

## Kepentingan inovasi

Memupuk Perkhidmatan Kejuruteraan *'Pure-Play'* merupakan Projek Titik Permulaan (*Entry Point Project,* EPP) di dalam NKEA Perkhidmatan Perniagaan. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) menganggarkan bahawa **industri perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif** Malaysia akan bernilai



# Berbataskan Langit



Pembangunan Asia Aerospace City (AAC) akan meletakkan Malaysia di peta dunia dalam kejuruteraan dan pembangunan bakat aeroangkasa. Sebuah anak syarikat milik penuh MARA, AAC bertujuan untuk melatih dan membentuk siswazah tempatan bagi menerajui industri aeroangkasa pada masa hadapan. Matlamat MARA adalah untuk menjamin bakat industri yang tersedia bagi memenuhi keperluan sektor global dan membolehkan para graduan untuk mencari dan mengisi pekerjaan dalam bidang ini.

AAC telah ditubuhkan untuk memenuhi enam tugas utama:

- Menyediakan khidmat perundingan perniagaan dalam bidang aeroangkasa
- Mewujudkan peluang perniagaan
- Menyediakan infrastruktur canggih bagi pembangunan dan latihan bakat
- Menyokong perkhidmatan kejuruteraan berkemahiran tinggi dalam dan luar negara
- Memperkenalkan pusat pembangunan profesional
- Membangunkan peluang R&D yang unik untuk memajukan industri

Dengan anggaran 40 peratus daripada jualan pesawat dijangka berlangsung di Asia menjelang tahun 2020, program *European Aerospace Defence and Space* (EADS) merancang untuk melabur sehingga AS$250 juta (RM800 juta) di Malaysia menjelang tahun 2020. Menerusi pembesaran industri tidak lama lagi, dianggarkan bahawa 10,000 jawatan kejuruteraan untuk perkhidmatan kejuruteraan (tidak termasuk penyelenggaraan), pembaikan dan baik pulih akan tersedia menjelang tahun 2020.

Program AAC disokong oleh Atkins Global, sebuah syarikat perunding utama yang berpangkalan di UK dan merupakan pakar dalam reka bentuk, kejuruteraan dan pengurusan projek.

Langkah pertama bagi pemilihan kakitangan AAC sedang dijalankan, di mana pelajar terbaik MARA telah dihantar untuk menjalani latihan kejuruteraan aeroangkasa di universiti antarabangsa, UK yang merupakan rakan kerjasama. Menerusi kolaborasi multinasional yang sedang dijalankan dan pembesaran akan datang yang sedang dirancang, industri aeroangkasa Malaysia pastinya satu pelaburan yang berbaloi.



RM3.3 bilion menjelang tahun 2020. Pemain industri ini berpotensi untuk menjadi majikan berprofil tinggi bagi graduan-graduan kejuruteraan terkemuka negara. Pada tahun 2014, satu projek pembesaran bernilai RM46.7 juta telah diluluskan di Subang, Selangor untuk menyediakan perkhidmatan kejuruteraan bagi subsektor penerbangan.

Untuk menyediakan negara menghadapi persaingan yang lebih tinggi dalam arus globalisasi dan integrasi ASEAN, Kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif dan geran untuk menyokong peningkatan aktiviti R&D dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT), kejuruteraan, sains, pertanian, bioteknologi dan perhutanan. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013-2014 menyasarkan Malaysia untuk mencapai Perbelanjaan Dalam Negara Kasar dalam R&D (*Gross Domestic Expenditure on R&D,* GERD) sekurang-kurangnya 2.0 peratus menjelang tahun 2020.

Pada tahun 2014, sejumlah RM295.8 juta dilaburkan ke dalam 17 **projek R&D** yang telah diluluskan di Malaysia. Sebanyak RM161.4 juta (54.5%) merupakan sumber asing sementara RM134.6 juta (45.5%) adalah pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 276 pekerjaan berpendapatan tinggi. Pecahan terbesar pelaburan R&D terdiri daripada kelulusan projek-projek R&D Kontrak yang menyumbang sebanyak RM227.9 juta.

Sejak sekian lama, ekonomi Malaysia telah memanfaatkan kelebihan **teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT)**. Negara berada pada kedudukan kuartil teratas di kalangan ekonomi ketersediaan rangkaian tertinggi dunia berada di tangga ke-30 berbanding 144 negara dalam Laporan Teknologi Maklumat Global 2014 (*2014 Global Information Technology Report*) yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia.

MIDA telah meluluskan tiga projek dengan pelaburan domestik sebanyak RM151.9 juta dalam subsektor ini. Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak

**Kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif dan geran untuk menyokong peningkatan aktiviti R&D dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, sains, pertanian, bioteknologi dan perhutanan.**





163 pekerjaan. Memandangkan pertumbuhan ICT di dalam bidang-bidang utama seperti pengkomputeran awan, pengkomputeran peka konteks, perangkaian dan kecerdasan serta media kreatif, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta menerusi Bajet 2015 untuk mempromosikan industri kandungan digital.

## Melabur dalam keperluan penting

**Subsektor pengangkutan,** salah satu perkhidmatan perantaraan penting yang memudahkan operasi industri-industri lain, terdiri daripada pengangkutan laut, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya. MIDA telah meluluskan sejumlah 78 projek dalam subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM6.1 bilion pada tahun 2014. Kira-kira 96.7 peratus adalah daripada pelaburan domestik dan sebanyak 2,211 pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh projek-projek ini. Subsektor pengangkutan maritim menyumbang 17 daripada projek-projek tersebut, bernilai RM331.4 juta, sementara 51 projek lagi telah diluluskan dalam subsektor penerbangan, bernilai RM3.3 bilion.

**Industri telekomunikasi** juga merupakan perkhidmatan perantaraan yang menyokong banyak industri utama di Malaysia. Subsektor yang merangkumi kemudahan rangkaian, perkhidmatan perangkaian, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan kandungan aplikasi), pos dan penyiaran ini telah menyumbang kelulusan projek berjumlah RM4.5 bilion pada tahun 2014.

Di Malaysia, **utiliti tenaga** merangkumi penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad, Syarikat SESCO Bhd (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB). Sementara **perkhidmatan utiliti air** disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Pada tahun 2014, pelaburan dalam subsektor ini berjumlah RM9.0 bilion, yang keseluruhannya merupakan sumber domestik.

Industri perbankan, terutamanya perbankan Islam, telah membantu untuk mendorong pertumbuhan **subsektor perkhidmatan kewangan** pada tahun 2014. Pelaburan dalam perkhidmatan kewangan telah meningkat lebih dua kali ganda pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 yang mencecah RM6.9 bilion menerusi projek-projek yang diluluskan. Pelaburan domestik menyumbang 76.8 peratus daripada jumlah ini. Aktiviti-aktiviti perbankan Islam mencatatkan pelaburan sebanyak RM2.8 bilion atau 40.6 peratus daripada keseluruhan pembiayaan. Ini telah melebihi sasaran tahun 2020 iaitu sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan pembiayaan yang ditetapkan di bawah NKEA Perkhidmatan Kewangan – EPP 10: Menjadi Hab Global Kewangan Islam yang Unggul.

**Industri hartanah (perumahan)** Malaysia kekal didominasi oleh pelabur-pelabur domestik, di mana 97.3 peratus pelaburan terdiri dari sumber tempatan. Sejumlah 1,320 projek dengan pelaburan sebanyak RM88.5 bilion telah diluluskan dalam subsektor hartanah (tidak termasuk bangunan komersial) pada tahun 2014.

Meskipun berhadapan dengan cabaran berekor publisiti negatif peristiwa-peristiwa yang tidak diduga, **industri hotel dan pelancongan** Malaysia masih meraih pulangan daripada peningkatan jumlah bilangan pelancong yang sederhana sebanyak 6.7 peratus atau 27.4 juta ketibaan pada tahun 2014. MIDA telah meluluskan sejumlah 118 projek dengan nilai pelaburan keseluruhannya sebanyak RM6.69 bilion di mana 94 peratus adalah pelaburan domestik.

Liberalisasi Kerajaan terhadap **industri perkhidmatan pendidikan swasta** terus memberikan impak terhadap pelaburan, di mana 467 projek berjumlah RM1.64 bilion telah diluluskan. Sejumlah 95.2 peratus

daripada keseluruhan pelaburan ini adalah daripada pelabur-pelabur domestik. Pecahan terbesar bagi pelaburan ini disalurkan kepada 37 projek kolej/universiti swasta yang bernilai RM1.3 bilion, diikuti oleh 47 projek untuk pusat kemahiran yang dinilai sebanyak RM305 juta. Selain itu, sebanyak 383 projek lagi telah diluluskan untuk institusi-institusi pendidikan swasta lain yang bernilai RM21.4 juta. Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan baharu yang tertumpu untuk membangunkan modal insan dan meningkatkan profil laluan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), perkhidmatan pendidikan akan menjadi lebih penting pada masa akan datang.

**Subsektor perkhidmatan penjagaan kesihatan** yang meliputi penubuhan institusi-institusi penjagaan kesihatan swasta, kekal sebagai pilihan menarik di kalangan pelabur. Sejumlah 22 projek telah diluluskan dalam subsektor ini pada tahun 2014 dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion, di mana kesemuanya adalah domestik. Potensi pertumbuhan industri ini pada masa hadapan akan dirangsang oleh pertumbuhan berterusan dalam pelancongan penjagaan kesihatan yang menyumbang pendapatan sebanyak RM685 juta pada tahun 2014 serta faktor demografi seperti peningkatan usia populasi negara.

**Untuk merangsang pertumbuhan berkualiti dalam sektor perkhidmatan, Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan memerlukan Pejabat Koordinasi dan Kerjasama Insentif (*Incentive Coordination and Collaboration Office*, ICCO) ditubuhkan di bawah MIDA. ICCO akan menjadi pusat hentian setempat untuk menawarkan khidmat nasihat dan menyelaras syarikat-syarikat dalam pemberian insentif dan menawarkan kejelasan merentasi-agensi.**

**Perdagangan pengedaran** termasuk perdagangan borong dan runcit, pasaraya dan pasaraya besar, gedung jualan dan jualan langsung. Subsektor ini telah menarik pelaburan yang besar pada tahun 2014 sebanyak RM8.7 bilion menerusi projek-projek yang diluluskan, peningkatan 74 peratus berbanding tahun 2013. Sebab utama peningkatan ini adalah lonjakan dalam pelaburan asing yang mencatatkan lebih 212 peratus kepada RM5.0 bilion.

Pada tahun 2014, enam projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.0 bilion dalam industri bernilai tinggi lain-lain dalam sektor perkhidmatan. Ini termasuk pembangunan taman hijau lengkap bersepadu di Nusajaya dengan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion dan dua *outlet premium* bagi memenuhi permintaan beli-belah pelancong dengan pelaburan sebanyak RM491 juta.

## Tinjauan

Meskipun persekitaran pelaburan global pada tahun 2015 berkemungkinan akan terjejas dengan krisis zon Euro yang masih berlangsung dan kelembapan pertumbuhan China akibat kemelesetan hartanah dan kemelut hutang, namun pesisir Asia yang cerah masih menawarkan ruang yang positif. Malah dalam keadaan ekonomi China yang perlahan, ia dijangka masih akan mencapai pertumbuhan KDNK yang bakal dicemburui banyak negara lain. Manakala integrasi ASEAN ke arah AEC akan mewujudkan pasaran tunggal bersepadu untuk sektor perkhidmatan dengan jumlah penduduk







seramai lebih 600 juta. AFAS menawarkan persekitaran ideal untuk perdagangan yang bebas dan saksama dalam sektor perkhidmatan – di mana Malaysia terletak betul-betul pada neksusnya.

Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan Malaysia menyumbang kira-kira 55.3 peratus kepada KDNK negara. Melangkah ke hadapan, Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan mensasarkan perluasan potensi sektor ini dan mentransformasikannya ke arah yang lebih berintensifkan pengetahuan dan dipacu inovasi. Sektor ini dijangka akan berkembang pada kadar 6.9 peratus setahun, menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2020, dan menyediakan 9.6 juta peluang pekerjaan.

Di bawah Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan, Kerajaan akan menambahbaik pengurusan insentif-insentif pelaburan agar lebih berkesan, telus dan berasaskan prestasi. Ini akan dilaksanakan melalui penubuhan Pejabat Koordinasi dan Kerjasama Insentif (*Incentive Coordination and Collaboration Office,* ICCO) di bawah MIDA untuk bertindak sebagai penyelaras kepada semua insentif pelaburan. Inisiatif-inisiatif ini akan memberi tumpuan untuk menyediakan kemahiran kritikal kepada industri dan meningkatkan akses kepada teknologi dan R&D bagi mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dan dinamik untuk pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang berintensifkan pengetahuan. Pelaksanaan Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan dan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi (Logistics and Trade Facilitation Master Plan, LTFMP) akan membangunkan ekosistem perkhidmatan yang lebih kompetitif.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh aktiviti-aktiviti bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Ini akan melibatkan penggalakan industri moden yang berkait dengan keseluruhan ekonomi serta potensi untuk menjana pekerjaan-pekerjaan berpendapatan tinggi dalam perkhidmatan kewangan Islam, ICT, minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, eko-pelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional. Pelaburan domestik dijangka akan memainkan peranan utama untuk mengembangkan industri perkhidmatan untuk memenuhi permintaan domestik yang dijangka berkembang perlahan-lahan pada tahun 2015. Walaupun pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan menjejaskan perbelanjaan pengguna, dijangka akan pendapatan tambahan daripada penurunan harga minyak dan sokongan Kerajaan terhadap golongan sasaran tertentu akan mengimbangi situasi ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh aktiviti-aktiviti bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan.




## Pelaburan dalam sektor perkilangan

Di dalam ketidaktentuan yang melanda persekitaran ekonomi global, sektor perkilangan Malaysia terus mengekalkan keyakinan pelabur dan masih berada di landasan dalam membangunkan lebih banyak produk bernilai tinggi dalam industri-industri yang berkembang pesat, sebelum pelaksanaan integrasi ASEAN. Pada tahun 2014, MIDA telah meluluskan 811 projek pelaburan bernilai kira-kira RM71.9 bilion, peningkatan sebanyak 38 peratus berbanding jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini pada tahun 2013 (RM52.1 bilion). Lebih daripada RM39.6 bilion atau 55.1 peratus adalah daripada pelabur-pelabur asing, manakala selebihnya (RM32.3 bilion) daripada pelabur-pelabur domestik. Jumlah pelaburan pada tahun 2014 melebihi sasaran purata pelaburan tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Projek baru menyumbang 60.5 peratus daripada jumlah projek perkilangan yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM43.5 bilion menerusi 450 projek.

Malaysia berterusan mendapat perhatian positif di kalangan pelabur asing di mana negara telah melonjak 10 kedudukan menjadi destinasi ke-15 paling menarik untuk FDI menerusi Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing yang dikeluarkan oleh AT Kearney (*A.T. Kearney Foreign Direct Investment Confidence Index*). Pelabur-pelabur Asia mempengaruhi pembangunan dalam sektor perkilangan Malaysia yang menyumbang 70 peratus daripada RM39.6 bilion FDI dalam perkilangan pada tahun 2014. Jepun merupakan penyumbang FDI utama dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan dengan RM10.9 bilion, menandingi sumbangan RM8.4 bilion daripada Kesatuan Eropah. Sumber-sumber FDI perkilangan penting daripada Asia yang lain adalah Singapura (RM7.8 bilion), China (RM4.7 bilion) dan Republik Korea (RM1.5 bilion).

**Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2014 dijangka akan mewujudkan 78,343 peluang pekerjaan.**

Pelabur-pelabur domestik juga memainkan peranan besar dalam memacu transformasi sektor perkilangan menjadi industri bernilai ditambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan berkembang hampir 50 peratus kepada RM32.3 bilion pada 2014, iaitu 44.9 peratus

## Masa Depan yang Lebih Cerah



Sektor LED Malaysia merupakan salah satu daripada kejayaan negara yang kurang diketahui umum. Dipelopori oleh Hewlett–Packard pada tahun 1970–an, industri ini kini terdiri daripada pelbagai PKS serta syarikat multinasional besar. Walau bagaimanapun, sumbangan utama Malaysia terhadap industri LED lebih berkisar pada fungsi *back–end* seperti pembungkusan dan pemasangan. Untuk bergerak ke rantaian nilai yang lebih tinggi, Malaysia perlu beralih kepada pembuatan *front–end* yang bernilai lebih tinggi.

Idea untuk bekerjasama dengan Kolej–Universiti Santa Barbara (UCSB) disuarakan buat pertama kali pada lewat 2013, ketika sebuah pasukan kecil dari UCSB mengadakan lawatan ke CREST. Semenjak dari itu, peluang kerjasama telah dibincangkan dan projek R&D bersama serta pelan pemindahan pengetahuan telah disusun.

Dalam tempoh lebih setahun sahaja, usahasama itu telah bermula secara rasmi, melibatkan profesor–profesor dan pelajar–pelajar pasca–siswazah dari UCSB serta ahli akademik, pemain industri dan CREST bagi pihak Malaysia. Salah seorang profesor dari UCSB ialah Dr Shuji Nakamura, pemenang Hadiah Nobel tahun 2014 bagi usaha beliau membangunkan LED biru.

Usahasama ini tertumpu dalam bidang *epitaxial development* iaitu proses menambah lapisan hablur semi–konduktor pada permukaan wafer, yang sememangnya terkenal sebagai kepakaran UCSB. Melalui usahasama ini, Malaysia berharap agar akhirnya dapat beralih dari operasi back–end kepada masa depan yang lebih baik dan cerah.

daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2014 dijangka akan mewujudkan 78,343 peluang pekerjaan, di mana 22.5 peratus (17,635) adalah dalam kategori Pengurusan, Teknikal, Penyeliaan dan Pekerja Mahir (MTSS), manakala 61.9 peratus (48,468) adalah dalam kategori pekerja mahir. Pecahan peluang pekerjaan yang terbesar dalam sektor perkilangan adalah dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E) (16,700 pekerjaan) diikuti oleh produk asas logam (7,133) dan kelengkapan pengangkutan (6,873). Kerajaan juga telah meluluskan sejumlah 1,339 jawatan ekspatriat pada tahun 2014.

Intensiti modal dalam sektor perkilangan pada tahun 2014 yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) dalam projek-projek yang diluluskan adalah RM917,115. Industri-industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM10,108,693), diikuti oleh kimia dan produk kimia (RM2,283,023) serta produk logam asas (RM1,394,081). MIDA telah meluluskan 15 projek dalam sektor perkilangan dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1.0 bilion dengan jumlah RM40.4 bilion yang menyumbang 56.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.



**Peranti-peranti yang dilengkapi sensor, dan terdapat di mana-mana, akan berkongsi data antara satu sama lain merentasi rangkaian menggunakan *Internet of Things*. Teknologi ini akan merevolusikan cara orang hidup dan bekerja.**

Pendorong utama pertumbuhan sektor perkilangan pada kebelakangan ini adalah permintaan daripada negara-negara anggota ASEAN dan rakan-rakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Sebahagian besar daripada projek-projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun 2010-2014 meliputi industri-industri utama seperti E&E, jentera dan kelengkapan (M&E), kelengkapan pengangkutan, kimia dan produk kimia serta produk logam fabrikasi.

## Kepelbagaian strategik

Rancangan Malaysia Kesebelas telah mengenal pasti **elektrik dan elektronik (E&E)** sebagai salah satu daripada tiga subsektor pemangkin dalam sektor perkilangan, selain sektor kimia dan M&E, yang akan memacu peralihan ke arah produk bernilai lebih tinggi, pelbagai dan kompleks. Industri E&E mencatatkan pelaburan berjumlah RM11.1 bilion menerusi 96 projek yang diluluskan pada tahun 2014. Sebanyak 93.7 peratus (RM10.4 bilion) daripada pelaburan ini merupakan sumber asing terutamanya Jerman, Jepun dan Amerika Syarikat. Manakala baki 6.3 peratus (RM700 juta) adalah sumber domestik. Pelaburan daripada Jerman dan Jepun tertumpu dalam subsektor komponen elektronik, pelaburan daripada Jepun bertumpu kepada subsektor komponen elektronik, sementara Amerika Syarikat dalam subsektor komponen elektronik dan elektronik perindustrian.

Tiga ekosistem utama – semikonduktor, solar dan diod pemancar cahaya (LED) – beroleh manfaat kesan daripada tumpuan kukuh dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan oleh syarikat-syarikat multinasional dan tempatan. Teknologi-teknologi ini diselaraskan untuk





pesat membangun seiring dengan peralihan seterusnya dalam trend pengguna di seluruh dunia, di mana Gartner menjangkakan jualan semikonduktor di seluruh dunia bakal mencecah AS$358 bilion pada tahun 2015. Inovasi dalam *application-specific standard products* (ASSP) terhadap telefon pintar, *solid-state drives* (SSD) dan peranti *ultramobile* bakal tertumpu ke arah *Internet of Things* (IoT), di mana peranti dan barangan peribadi yang digunakan setiap hari akan mengumpul dan bertukar data secara autonomi. Industri E&E Malaysia, yang telah membangunkan infrastruktur dan keupayaan kukuh merentasi keseluruhan rantaian nilai semikonduktor, akan memainkan peranan penting dalam era IoT sebagai hab untuk R&D dan perkilangan mengikut kehendak (*custom manufacturing*). Pada masa yang sama, industri solar akan terus beroleh manfaat kesan daripada perubahan trend penggunaan tenaga, manakala LED akan menjadi lebih penting dalam menggantikan lampu neon dan lampu pijar sebagai standard pencahayaan global. Malaysia berpotensi untuk segera beralih ke rantaian nilai LED dan solar huluan dalam tempoh yang sepatutnya untuk merebut manfaat daripada generasi teknologi akan datang seperti LED 2.0 dan fotovoltaik tertumpu.

Bidang robotik merupakan satu lagi teknologi utama yang akan mendorong pertumbuhan industri E&E Malaysia. Pada tahun 2014, satu projek penting yang telah diluluskan adalah projek pelbagaian bernilai RM1.1 bilion oleh ViTrox Technologies, sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia yang memberi tumpuan terhadap pembangunan serta pengeluaran sistem dan modul penglihatan robot pintar untuk industri semikonduktor, automotif dan perubatan. Projek ini dijangka akan melengkapkan lagi ekosistem semikonduktor Malaysia.



Sebagai salah satu daripada subsektor pemangkin, **industri mesin dan kelengkapan (M&E)** berkait rapat dengan industri-industri lain dalam ekonomi Malaysia. Industri ini akan memainkan peranan penting dalam menyokong pemelbagaian ekonomi dalam aktiviti bernilai tinggi seperti pemprosesan semikonduktor canggih, penjagaan kesihatan dan O&G. Pada tahun 2014 sejumlah 98 projek M&E telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM2.5 bilion. Kira-kira 72 peratus (RM1.8 bilion) daripada pelaburan ini adalah daripada sumber domestik, manakala pelaburan asing menyumbang selebihnya (RM720.6 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana sehingga 4,568 peluang pekerjaan baharu. Subsektor yang menarik pelaburan tertinggi adalah projek M&E khusus sebanyak 62.4 peratus (RM1.6 bilion); diikuti oleh M&E perindustrian umum, komponen dan alat ganti – 16.8 peratus (RM419.3 juta); dan penyelenggaraan, penaiktarafan atau pemulihan M&E – 16.5 peratus (RM411.9 juta).

Selain itu, **industri sokongan kejuruteraan (ESI)** juga merupakan penyumbang penting kepada sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Industri ini meliputi aktiviti acuan dan dai, penuangan, pemesinan, hentakan logam, rawatan haba dan penempaan. Syarikat ESI Malaysia memberi tumpuan untuk membangunkan keupayaan, menambah baik produk dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam mengekalkan kelebihan daya saing. Persijilan antarabangsa akan membolehkan industri ini untuk menawarkan alat ganti dan komponen

# Bersedia untuk *Game Changer*

Bahagian Teknologi dan Bisnes Frontier MIDA meneruskan usaha untuk menerokai trend teknologi baru muncul yang dapat memacu pertumbuhan bernilai tinggi bagi industri–industri Malaysia. Pada tahun 2014, Bahagian ini telah menjalankan kajian lanjut untuk mengenal pasti pelbagai pemain industri, teknologi baharu dan penggunaan dalam bidang aplikasi hiliran galian nadir bumi dan simpanan tenaga berasaskan litium.

Aplikasi–aplikasi hiliran galian nadir bumi semakin meluas penggunaannya dalam sektor automotif untuk motor elektrik, *drive train* dan sistem simpanan tenaga. Sementara penyelidik akademik dan pihak swasta terus mencari jalan untuk meminimumkan penggunaan galian nadir bumi berikutan kebimbangan terhadap kos dan kebolehpercayaan bekalan, penggunaan galian nadir bumi semakin berkurangan walaupun bilangan aplikasi semakin bertambah. Akademi Sains Malaysia meramalkan bahawa permintaan terhadap galian nadir bumi pada tahun 2016 akan mencecah 162,500 tan metrik (MT) disebabkan oleh aplikasi–aplikasi seperti magnet kekal, aloi logam dan pemangkin.

Simpanan tenaga berasaskan litium menyaksikan pertumbuhan permintaan yang tinggi berpunca dari peningkatan stabil dalam pengeluaran kereta hibrid dan elektrik serta peranti mudah alih. Pembangunan teknologi simpanan tenaga automotif yang sangat penting pada masa ini adalah secara usaha sama di antara pengeluar kereta dan pengeluar bateri. Litium masih merupakan bahan pilihan utama untuk simpanan tenaga; walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang teknologi tunggal yang lebih unggul. Memandangkan kapasiti bateri dan penggunaan



Permintaan untuk simpanan tenaga berasaskan litium semakin meningkat disebabkan industri kereta hibrid dan elektrik.

yang semakin meningkat, terdapat keperluan yang besar untuk memastikan kebolehpercayaan, kecekapan dan keselamatan dalam sistem pengurusan bateri. Menurut anggaran signumBOX, jumlah permintaan untuk litium akan meningkat kepada 204.732 MT pada tahun 2015 dan 540.119 MT pada tahun 2025.

Bahagian ini juga telah mengenal pasti bahawa *additive manufacturing* (percetakan 3D) sebagai salah satu ekosistem baharu yang diperhatikan akan merentasi pelbagai industri, dalam sektor–sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA telah mengkaji tentang teknologi dan persekitaran yang diperlukan bagi pembangunanseterusnya ekosistem itu dan menyimpulkan bahawa ia adalah *game changer* yang berpotensi untuk mencetus revolusi dalam industri perkilangan.








*Additive manufacturing* dikategorikan sebagai teknologi yang mampu menimbulkan gangguan dan berpotensi untuk mencetus revolusi sepenuhnya terhadap proses pengilangan tradisional yang menggunakan bahan–bahan seperti logam atau polimer. Dalam senario masa hadapan, sektor perkhidmatan juga mungkin terjejas teruk di mana stok alat ganti mungkin tidak lagi perlu disimpan. Alat ganti tertentu boleh dicetak dalam bentuk 3D mengikut permintaan, sekali gus mengganggu keseluruhan logistik dan rantaian bekalan bagi pergudangan.

Ekosistem bagi teknologi yang masih agak baharu di Malaysia ini perlu dibangunkan selanjutnya. Ekosistem ini akan memerlukan penyertaan penggubal dasar, pembangun perisian percetakan 3D, pembekal serbuk logam dan bahan polimer, pembekal peralatan percetakan 3D, penyedia perkhidmatan percetakan 3D serta universiti–universiti dan institusi–institusi latihan. Universiti dan institusi penyelidikan akan memainkan peranan penting dalam memperkenalkan percetakan 3D dan melatih generasi pereka dan ahli teknologi baharu dalam teknologi ini. Kerajaan juga perlu memainkan peranan bagi memastikan bahawa PKS tempatan mampu mempunyai akses kepada teknologi *additive manufacturing*.

Bagi mewujudkan kesedaran dan persefahaman yang lebih baik di antara ahli akademik dan pelajar di universiti–universiti tempatan dengan pelabur–pelabur di Malaysia, Bahagian ini telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu di Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Tunku Abdul Rahman. Program ini telah dijalankan secara kerjasama antara Bahagian Teknologi dan Bisnes Frontier, Pengurusan Bakat Industri serta R&D dan Perkhidmatan Perniagaan. Tahun ini, Bahagian ini juga telah memperluaskan skop program ini untuk meliputi lebih banyak universiti dan institusi luar negara di Jepun, Republik Korea, United Kingdom dan Amerika Syarikat, agar dapat memanfaatkan penyelidikan dan teknologi yang lebih maju di institusi–institusi ini. Program ini juga membantu untuk menyelaraskan syarikat–syarikat dan universiti–universiti tempatan yang terlibat dalam mengenal pasti dan membangunkan teknologi baharu dan yang baru muncul.

kepada pasaran yang lebih luas dalam industri O&G, aeroangkasa, perubatan dan solar/PV.

Sejumlah 68 projek ESI telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion. Sumber asing menyumbang 55.2 peratus (RM574.7 juta) daripada jumlah pelaburan manakala baki 44.8 peratus (RM492.8 juta) adalah daripada pelabur-pelabur domestik. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 2,489 peluang pekerjaan.

**Industri produk logam asas dan fabrikasi** bakal menghadapi cabaran persaingan yang baharu menjelang pelaksanaan integrasi AEC kelak. Industri ini telah menubuhkan Institut Keluli Malaysia untuk menghadapi peralihan akan datang ini serta menggalakkan perniagaan antara ASEAN. MIDA telah meluluskan sebanyak 134 projek dengan pelaburan berjumlah RM12.2 bilion pada tahun 2014, di mana pelaburan asing menyumbang 72.1 peratus (RM8.8 bilion) dan pelaburan domestik 27.9 peratus (RM3.4 bilion).

Pecahan terbesar pelaburan adalah dalam projek-projek huluan melibatkan 33 projek logam asas dengan pelaburan sebanyak RM9.9 bilion. Pelaburan asing dalam subsektor logam asas adalah bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dalam pengilangan dan pengedaran keluli dan akan membantu untuk memenuhi keperluan industri pembinaan tempatan. Secara keseluruhan, projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 12,244 peluang pekerjaan baharu dalam industri.

## Kemunculan Grafen

Felda Global Ventures Berhad (FGV), perniagaan tani global yang terkemuka di Malaysia, telah memateri satu perjanjian dengan Universiti Cambridge untuk mendirikan sebuah kilang pemprosesan satu *"super material"* – grafen (*graphene*) yang sering diperkatakan. Grafen merupakan satu produk protein tulen yang mengandungi ciri–ciri luar biasa – 200 kali lebih kuat daripada keluli, cekap dalam mengalirkan haba dan elektrik, hampir lutsinar dan ramai mengatakan bahawa grafen adalah bahan masa depan.

Grafen boleh digunakan untuk membuat barang–barang seperti skrin televisyen fleksibel, lembaran akhbar digital yang boleh dilipat dan mengemaskinikan berita secara automatik, teknologi sesuai dipakai (*wearable technology*) dan inovasi–inovasi lain seumpamanya. Satu–satunya halangan kepada kemunculan grafen dalam bidang perindustrian adalah kos relatif dan kesan alam sekitar untuk membangunkan grafen. Walau bagaimanapun, Malaysia berharap usahasama di antara FGV dan Cambridge berupaya menghasilkan penyelesaian baharu yang inovatif dan sebelum ini belum pernah didengari. Malaysia amat sesuai untuk menjadi pembekal bahan mentah bagi mengeluarkan grafen memandangkan sisa sekam kelapa sawit daripada pembangunan minyak sawit boleh ditapis untuk menghasilkan grafen.

Malaysia berhasrat untuk menjadi pemaju, pengeluar dan pembekal utama grafen pada tahun–tahun akan datang dan telah mengumumkan perkara ini menerusi pengenalan Pelan Tindakan Grafen Negara 2020. Sekiranya rancangan ini menemui kejayaan, ia boleh menjana pendapatan berjumlah RM 9 bilion dan mewujudkan 9,000 pekerjaan menjelang 2020.





**Industri kelengkapan pengangkutan** meliputi subsektor automotif, aeroangkasa serta pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR). Pada tahun 2014, MIDA telah meluluskan 56 projek dalam industri ini dengan pelaburan berjumlah RM5.6 bilion. Dua pertiga (RM3.7 bilion) daripada pelaburan ini berasal daripada sumber domestik, manakala sumber asing menyumbang selebihnya (RM1.9 bilion). Projek-projek ini dianggarkan akan menjana 6,873 peluang pekerjaan.

**Subsektor pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR)** menyumbang pecahan terbesar bagi pelaburan yang diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan, dengan enam pelaburan yang bernilai RM3.1 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik menyumbang 70 peratus (RM2.2 bilion) manakala selebihnya disumbang oleh pelaburan asing (RM0.9 bilion). Projek-projek ini, yang dijangka akan mewujudkan 2,310 peluang pekerjaan, termasuk projek baru usaha sama di antara syarikat majoriti milik tempatan dan syarikat Korea dengan pelaburan bernilai RM2.9 bilion untuk mengeluarkan kraf *Wing-In-Ground* (WIG). Pertumbuhan industri ini akan dipacu dengan peningkatan aktiviti perdagangan global dan pembangunan aktiviti O&G luar pesisir.

**Subsektor automotif** menarik pelaburan bernilai RM1.9 bilion menerusi 43 projek yang diluluskan. Pelaburan domestik menyumbang 58 peratus (RM1.1 bilion) daripada jumlah ini, manakala pelaburan asing menyumbang baki RM800 juta. Projek-projek ini akan mewujudkan kira-kira 4,039 peluang pekerjaan. Salah satu projek yang menyerlah adalah pelaburan bernilai RM600 juta oleh syarikat majoriti milik asing untuk mengeluarkan enjin dan komponen enjin bagi Kenderaan Berkecekapan Tenaga (EEV). Pelaburan yang diluluskan ini banyak menyumbang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi EEV dan menggalakkan industri automotif tempatan yang kompetitif dan lestari, seperti yang digariskan dalam Dasar Automotif Negara (NAP) 2014.

MIDA telah meluluskan tujuh projek dalam **subsektor aeroangkasa** dengan nilai gabungan sejumlah RM682 juta pada tahun 2014, di mana 27 peratus (RM187 juta)




Di Persidangan Teknologi Luar Pesisir (OTC) Asia 2014, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri meneliti teknologi talian paip yang inovatif yang diguna pakai oleh peserta tempatan O&G Romstar Sdn Bhd.

disumbang oleh pelaburan asing. Projek ini dijangka akan mewujudkan 524 pekerjaan. Pertumbuhan paling pesat bagi industri ini adalah dalam aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) yang menarik jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM312.8 juta. Aktiviti ini akan menjadi lebih penting bagi subsektor ini memandangkan kebangkitan rantau Asia Pasifik sebagai pasaran perjalanan udara yang terbesar di dunia.

## Melincirkan kemajuan pesat

ETP telah mengenal pasti subsektor minyak, gas dan tenaga sebagai salah satu NKEA yang akan mendorong pertumbuhan ekonomi negara, meskipun berhadapan dengan scenario kematangan medan minyak dan peralihan struktur dalam penawaran minyak dunia. Selaras dengan ini, sejumlah 19 projek dalam **industri petroleum dan produk petrokimia** telah diluluskan pada tahun 2014 dengan pelaburan berjumlah RM15.9 bilion. Pelaburan domestik menyumbang 71 peratus daripada jumlah pelaburan (RM11.3 bilion) manakala selebihnya disumbang oleh pelaburan asing. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,581 peluang pekerjaan.

> ETP telah mengenal pasti subsektor minyak, gas dan tenaga sebagai salah satu NKEA yang akan mendorong pertumbuhan ekonomi negara.

Pecahan terbesar pelaburan ini disumbangkan oleh empat projek baharu usaha sama di antara PETRONAS dan dua pelabur asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM14.8 bilion. Berlokasikan Kompleks *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) di Pengerang, Johor, projek-projek ini akan mengeluarkan derivatif etilena, derivatif propilena, elastomer dan produk-produk fenolik. RAPID merupakan sebahagian daripada projek pemangkin utama dalam kawasan *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC) – satu pembangunan besar yang akan menjadikan Johor salah satu daripada hab minyak dan gas terbesar di Asia pada masa akan datang. Keseluruhan pembangunan ini dijangka akan menyumbang jumlah pelaburan sebanyak RM170 bilion dan bakal meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) Malaysia dengan tambahan RM18.3 bilion menjelang tahun 2020.

Sepertimana dua subsektor pemangkin sebelum ini, **industri kimia dan produk kimia** menjamin pautan erat dengan hampir setiap sektor lain dalam ekonomi negara, termasuk industri E&E, automotif, O&G, farmaseutikal dan pembinaan. Pembangunan satu ekosistem tempatan yang lebih cekap dalam produk kimia bakal menjadi satu prioriti utama untuk mengurangkan kebergantungan industri-industri ini kepada import yang mahal serta membangunkan potensi untuk menghasilkan produk-produk bernilai ditambah lebih tinggi dan kompleks. Pada tahun 2014, MIDA telah meluluskan 45 projek dengan pelaburan sebanyak RM5.9 bilion. Sejumlah 94.2 peratus (RM5.6 bilion) daripada pelaburan ini disumbang oleh pelaburan asing dan kira-kira 1,941 pekerjaan baharu dianggar akan diwujudkan oleh projek-projek yang telah diluluskan ini.

Walaupun **industri produk plastik** berhadapan dengan cabaran yang disebabkan oleh peningkatan kos, para pengilang bertindak dengan beralih ke rantaian nilai yang lebih tinggi dan memberi tumpuan terhadap produk yang berkualiti lebih tinggi. Sejumlah 51 projek dengan pelaburan bernilai RM884.4 juta telah diluluskan pada tahun 2014, di mana 85.4 peratus (RM755.2 juta) disumbangkan oleh sumber domestik. Projek yang telah diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 4,278 pekerjaan baharu.



# Industri yang Sihat



Industri peranti perubatan Malaysia telah muncul sebagai salah satu sektor pembangunan utama negara. Setelah menikmati pertumbuhan yang luar biasa, rentetan perkembangan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan Kerajaan, Malaysia telah mengeluarkan pelbagai peranti perubatan dan merupakan pengeluar serta pengeksport utama kateter dan sarung tangan pembedahan.

Pasaran domestik dijangka akan berkembang pada kadar 15.9% setahun, dengan unjuran nilai yang dianggarkan sebanyak AS$2.8 bilion pada tahun 2017. Industri ini kebanyakannya terdiri daripada perniagaan kecil hingga sederhana, dengan beberapa syarikat multinasional, dan mempunyai lebih 20,400 orang pekerja.

Berdasarkan sejarah, industri peranti perubatan Malaysia bermula semenjak permulaan portfolio pembuatan negara yang didominasi getah. Akan tetapi, pengeluaran peranti perubatan bukan getah yang bernilai lebih tinggi dan diperbuat daripada plastik, silikon serta logam aloi juga sedang meningkat naik. Dengan kenaikan global bagi harga buruh dan pembuatan, syarikat penjagaan kesihatan antarabangsa semakin banyak bergantung kepada pengilang kontrak yang diperakui di luar dunia Barat dan Jepun. Akibatnya, kos yang agak rendah di Malaysia telah memberi satu peluang baharu untuk usahasama antarabangsa.

Dalam bidang pengilangan komponen ortopedik, Apex Healthcare telah menubuhkan usahasama dengan Abio Orthopaedics Sdn Bhd untuk menjalankan pengilangan kontrak bagi alat–alat pembedahan, peranti penetapan dalaman dan luaran, sendi tiruan dan implan gigi, dengan harapan untuk berkembang kepada pemesinan, penempaan dan penuangan termaju.

Peningkatan bilangan aktiviti ekstensif R&D tempatan telah memberi harapan kepada Malaysia sebagai pemaju mantap peranti perubatan bernilai tinggi pada masa akan datang, manakala pengeluar–pengeluar tempatan menanti pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN sebagai pintu masuk ke pasaran penjagaan kesihatan yang lumayan di Asia.

Seperti subsektor perkilangan lain, *industri tekstil dan produk tekstil* mempunyai masa hadapan yang cerah dalam pembangunan pelaburan huluan yang didorong oleh teknologi dalam bidang gentian maju, salutan, dan produk yang berkualiti tinggi dan khusus lain.

Pada tahun 2014, industri ini menyaksikan peningkatan dalam pelaburan huluan untuk pengeluaran gentian, benang serta fabrik semula jadi dan sintetik. MIDA meluluskan sejumlah 17 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM1,233.2 juta. Pelabur-pelabur asing menyumbang 52 peratus (RM635.6 juta) daripada jumlah pelaburan tahun ini, manakala pelabur-pelabur domestik menyumbang selebihnya. Projek yang telah diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 2,260 pekerjaan, di mana 1,971

adalah dalam kategori tenaga kerja pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Projek-prjojek ini juga menawarkan pemindahan pengetahuan kepada pekerja tempatan dan membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan mentah import.

Potensi pertumbuhan **industri peranti perubatan** telah dikenal pasti di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan yang menggariskan lapan EPP di bawah peranti perubatan. Sementara Malaysia telah terkenal sebagai pengeluar sarung tangan perubatan, kini pelaburan ke dalam industri peranti perubatan lebih cenderung kepada produk yang lebih canggih. Pada tahun 2014, industri ini meneruskan peralihannya kepada produk dan ekosistem yang bernilai ditambah lebih tinggi menerusi 42 projek dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.2 bilion. Kira-kira 91 peratus daripada projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion adalah bagi mengeluarkan produk-produk canggih dan bernilai ditambah tinggi selain sarung tangan perubatan. Pelaburan domestik menyumbang 54.5 peratus (RM1.2 bilion) daripada jumlah pelaburan manakala pelaburan asing menyumbang baki 45.5 peratus (RM1.0 bilion). Kira-kira 7,300 pekerjaan dianggarkan akan diwujudkan oleh projek-projek ini.

Pada tahun 2014, **industri farmaseutikal** Malaysia merekodkan 14 projek yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM747.3 juta. Daripada jumlah pelaburan ini, 65.2 peratus (RM487.3 juta) adalah daripada pelabur asing, dan bakinya disumbang oleh pelabur tempatan. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan kira-kira 1,100 peluang pekerjaan, dan banyak menyumbang ke arah pembangunan ekosistem negara dalam pengeluaran produk farmaseutikal yang lebih kompleks dan bernilai ditambah tinggi.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menjangkakan kepentingan produk biofarmaseutikal dan memperluaskan skop EPP3 – Farmaseutikal Malaysia untuk meliputi aktiviti pengilangan biofarmaseutikal seperti produk biologi dan vaksin serta ubat-ubatan tanpa preskripsi.

Untuk membangunkan produk bio ini, Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) telah menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan **industri bioteknologi**. NBP kini berada di peringkat peralihan Malaysia dari fasa Sains ke Perniagaan kepada fasa Perniagaan Global. Untuk mencapai matlamat bioteknologi Malaysia, Program Transformasi Bioekonomi (BTP) telah dilancarkan pada tahun 2012 untuk menyediakan platform kepada syarikat-syarikat untul mengoptimumkan dan melancarkan peluang bioteknologi komersial. Sebanyak 22 projek bioteknologi dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, termasuk lima projek pencetus untuk BTP. Pelaburan-pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,274 pekerjaan baharu.

**BiotechCorp merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menyokong syarikat-syarikat bioteknologi Malaysia yang berpotensi tinggi. Agensi itu telah membina rangkaian 248 syarikat berstatus BioNexus yang menyumbang kira-kira RM4.6 bilion dalam pelaburan bioteknologi yang diluluskan.**





## Peluang semulajadi

**Pertanian dan pemprosesan makanan** mempunyai rangkaian yang erat memandangkan industri pemprosesan makanan berkait rapat dengan subsektor ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran dalam sektor pertanian. Sektor pertanian utama Malaysia telah menarik 28 projek dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM170.5 juta pada tahun 2014, di mana 99.7 peratus disumbangkan pelaburan domestik. Subsektor makanan terproses, yang telah ditetapkan sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Ketujuh kerana kepentingannya terhadap keselamatan makanan di Malaysia, telah merekodkan 68 projek dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.2 bilion pada tahun 2014. Pelaburan asing menyumbang 52.9 peratus (RM1.2 bilion) daripada jumlah ini, manakala pelaburan domestik menyumbang 47.1 peratus (RM1.1 bilion). Projek ini dijangka akan mewujudkan 5,262 peluang pekerjaan.

**Industri produk kelapa sawit dan biomas kelapa sawit** berterusan menjadi salah satu penyumbang terbesar KDNK Malaysia dan menyumbang RM53 bilion kepada PNK dengan sasaran NKEA sebanyak RM178 bilion menjelang tahun 2020. Sebahagian besar pertumbuhan potensi industri ini terletak pada aktiviti-aktiviti hiliran bernilai ditambah yang lebih tinggi melibatkan produk sampingan biomas termasuk pelepah kelapa sawit, batang kelapa sawit, tandan buah kosong, tempurung isirong sawit, serat mesokarpa dan efluen kilang minyak sawit. Bidang-bidang pertumbuhan hiliran lain termasuk produk berasaskan oleokimia serta pelbagai aktiviti R&D.

Pelaburan dalam industri minyak sawit pada tahun 2014 berjumlah RM5.7 bilion menerusi 49 projek, lebih daripada dua kali ganda dari segi nilai berbanding RM2.4 bilion dalam 32 projek pada tahun 2013. Projek-projek ini meliputi pengeluaran minyak sawit, minyak isirong sawit, oleokimia, produk daripada biomas sawit dan penjanaan tenaga daripada biomas sawit. Sebanyak 64.9 peratus (RM3.7 bilion) daripada pelaburan yang diluluskan merupakan pelaburan domestik, manakala 35.1 peratus lagi (RM2 bilion) disumbangkan oleh pelaburan asing. Dua subsektor yang mencatatkan pelaburan tertinggi adalah subsektor bahan oleokimia dengan RM3.9 bilion, diikuti oleh subsektor minyak sawit dan isirong kelapa sawit dengan RM1.1 bilion. Satu projek utama adalah loji penapisan bio bersepadu yang baharu bernilai RM2.2 bilion di Kompleks Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu, Sabah. Kilang ini akan menampung peralihan global dari bahan petrokimia kepada oleokimia mesra alam dengan mengeluarkan pelbagai bahan kimia yang dihasilkan daripada sawit seperti *methyl ester sulphonate* (MES).

**Industri produk getah** mencatatkan pelaburan sejumlah RM1.3 bilion menerusi 15 projek yang diluluskan (tidak termasuk peranti perubatan) pada tahun 2014. Lebih 92 peratus daripada jumlah ini disumbangkan oleh sumber domestik (RM1.2 bilion), manakala selebihnya adalah sumber asing (RM103.1 juta). Projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan 1,728 peluang pekerjaan. Industri ini menyaksikan pertumbuhan trend ke arah pengitaran semula getah serta pengilangan barangan berasaskan getah daripada bahan mesra alam seperti *Ekoprena* dan *Pureprena*. Penubuhan *Rubber City* di Kedah akan menyediakan hab perindustrian, perdagangan dan R&D untuk pembangunan industri produk getah seterusnya.

**Industri kayu dan produk kayu** menarik 48 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM465.4 juta. Sebanyak 90.9 peratus (RM422.9 juta) daripada pelaburan merupakan sumber-sumber domestik manakala selebihnya adalah daripada pelabur asing. Projek-projek ini akan mewujudkan sejumlah 3,815 peluang pekerjaan. Industri ini telah mengembangkan aktiviti-aktiviti

hiliran bernilai ditambah menerusi 19 projek dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM102.5 juta bagi pengilangan produk dan bahan berasaskan kayu seperti pelet kayu, kayu gergaji dan bahan buangan pertanian atau produk sampingan pertanian.

Pada tahun 2014, MIDA telah meluluskan sejumlah 30 projek dengan pelaburan RM3.4 bilion dalam **industri produk galian bukan logam**. Sejumlah 61 peratus daripada pelaburan ini disumbangkan oleh sumber domestik (RM2.1 bilion), manakala selebihnya adalah sumber asing (RM1.3 bilion). Salah satu projek yang menonjol dalam subsektor ini adalah projek bernilai RM635.2 juta milik asing untuk mengeluarkan bahan penebat mesra alam yang digunakan untuk pembinaan bangunan. Kerajaan berterusan menggalakkan peningkatan dalam penggunaan *Industrialised Building Systems* (IBS) dalam sektor pembinaan untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian alam sekitar, di mana industri produk galian bukan logam perlu memainkan peranan untuk menyokongnya.

**Industri kertas, percetakan dan penerbitan** menarik 17 projek dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM904.3 juta pada tahun 2014, peningkatan 36 peratus dalam nilai pelaburan berbanding tahun 2013. Pelaburan asing menyumbang 61.5 peratus (RM555.8 juta) manakala pelaburan domestik mencatatkan baki 38.5 peratus (RM348.5). Projek ini dijangka akan mewujudkan 2,144 peluang pekerjaan. Pecahan terbesar pelaburan disumbangkan oleh subsektor produk kertas dengan RM816.8 juta dalam 10 projek.

## Tinjauan

Pertumbuhan ekonomi China yang semakin perlahan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, di mana ianya berterusan mempengaruhi pembentukan persekitaran pelaburan global. Walaupun pasaran hartanah China menunjukkan trend penurunan yang berpunca dari masalah struktur, pelabur-pelabur China sedang meninjau destinasi baharu untuk mengalihkan wang mereka. Pada tahun 2014, *outward direct investment* (ODI) bukan kewangan mencecah AS$102.9 bilion, bersamaan peningkatan tahunan sebanyak 14.1 peratus. Syarikat-syarikat China telah melabur di Amerika Utara, Australia dan Eropah yang sedang beransur pulih merentasi pelbagai sektor seperti perniagaan pertanian (*agribusiness*) dan makanan, hartanah, perkilangan serta perkhidmatan. Dengan mempelbagaikan dan beralih kepada produk kompleks bernilai tinggi, pengilang-pengilang Malaysia juga boleh mengambil kesempatan terhadap peningkatan minat pelabur-pelabur China terhadap teknologi tinggi.

Sementara itu, trend *reshoring* juga sedang menular di Amerika Syarikat yang didorong oleh tekanan politik dalam negara serta isu kenaikan upah dan buruh di negara-negara pengeluar yang berkos rendah. Walau bagaimanapun, terdapat sebab untuk mempercayai bahawa trend itu berkemungkinan tidak akan memberi impak melampau terhadap pelaburan sektor perkilangan di Asia. Syarikat-syarikat multinasional dijangka hanya membawa pulang aktiviti pengeluaran dari negara asing yang jauh ke negara yang lebih hampir, sekiranya sasaran pengeluaran sememangnya untuk dipasarkan di negara asal. Malah, Indeks *Reshoring* A.T. Kearney pada tahun 2014 juga mencatatkan penurunan sebanyak 20 mata asas pada setiap tahun dari tahun 2013 yang menunjukkan bahawa *offshoring* ke pasaran perkilangan di luar Amerika Syarikat masih lebih tinggi berbanding *reshoring*.

Satu lagi trend penting yang boleh diperhatikan adalah dalam revolusi syal minyak di Amerika Syarikat yang telah mengalihkan keseimbangan kuasa dalam pengeluaran minyak dunia dari Timur Tengah. Walaupun perang harga OPEC dengan penggerudi syal AS tidak mengekang pengeluaran minyak syarikat Amerika, ia mengekalkan kesan harga minyak pada tahap rendah yang memberi manfaat kepada Malaysia kerana negara kini merupakan pengimport bersih minyak. Pada tahun 2015, harga minyak dan komoditi yang rendah disertai ringgit yang lebih murah akan memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam landskap pelaburan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, sektor perkilangan disasarkan untuk beralih ke arah produk yang lebih bernilai tinggi, pelbagai dan kompleks. Peralihan ini akan dipacu oleh subsektor pemangkin iaitu kimia, E&E dan M&E, serta industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti peranti perubatan dan aeroangkasa. Sektor ini dijangka akan berkembang pada kadar 5.1 peratus setahun dan menyumbang 22 peratus kepada KDNK serta 18.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan menjelang tahun 2020.

Senarai produk yang digalakkan oleh MIDA akan menawarkan insentif kepada para pengilang untuk mempelbagaikan produk *frontier* – produk yang kompleks, boleh dilaksanakan dari segi teknologi dan berguna untuk pelbagaian strategik. Pelaburan ke arah inovasi dan R&D akan memainkan peranan penting dalam kepelbagaian ini. Pendorong pertumbuhan seperti pembiayaan kewangan, insentif, perkhidmatan logistik dan taman perindustrian (IE) akan diperkukuhkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, di mana MIDA akan memanfaatkan pengkalan data berpusat IE untuk memudahkan promosi pelaburan.

ASEAN dibentuk untuk menjadi sebuah pasaran tunggal dan bakal menikmati ledakan pengguna menjelang pelaksanaan AEC. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan telah mensasarkan sektor perkilangan untuk meningkatkan pelaburan dengan memanfaatkan AEC dan pelbagai FTA yang telah ditandatangani di antara Malaysia dan rakan-rakan perdagangannya. Beberapa perjanjian FTA dua hala yang ditandatangani oleh Malaysia akan menawarkan satu platform yang lebih besar untuk mengembangkan pelbagai industri seperti tekstil dan komponen elektronik menerusi akses pasaran yang lebih besar.

## Asia Melabur

Aliran keluar pelaburan langsung Malaysia meningkat 24.5 peratus kepada RM51.3 bilion, meluaskan jurang imbangan pembayaran pelaburan langsung negara. Pada tahun 2014, aliran keluar bersih pelaburan langsung negara adalah sebanyak RM17.1 bilion, berbanding RM5.5 bilion pada tahun sebelumnya. Ini adalah sejajar dengan trend yang lebih besar, di mana Asia merupakan rantau yang penting bukan sahaja sebagai destinasi pelaburan, tetapi juga sebagai negara sumber. Tahun 2014 mencatatkan rekod buat kali pertama, di mana negara–negara membangun di rantau Asia merupakan pelabur terbesar di dunia yang menyumbang hampir satu pertiga daripada jumlah keseluruhan pelaburan iaitu sebanyak AS$440 bilion, mengatasi Amerika Utara dan Eropah.



# Berfikir Secara Strategik

*Dalam tahun 2014 MIDA terus menerajui agenda pelaburan negara sejajar dengan matlamat strategik Malaysia, mengambil bahagian dalam mesyuarat dan persidangan di seluruh dunia serta aktiviti promosi dan sokongan di kalangan komuniti perniagaan tempatan. Sambil ini, MIDA bekerja rapat dengan penggubal dasar, Kementerian dan agensi, dan mengekalkan hubungan yang berhasil dengan media massa.*





Ketika pelaburan terus berkembang dengan pesat, agensi ini tidak berpeluk tubuh, sebaliknya ia menggandakan usaha untuk mempromosi dan memberi publisiti tentang agenda pelaburan negara kepada pelabur-pelabur. Dalam tahun 2014, MIDA telah memberi tumpuan kepada kaedah menarik pelabur melalui pameran perdagangan, acara dan jerayawara, di dalam dan di luar negara. MIDA juga telah mengendalikan lawatan-lawatan promosi pelaburan ke luar negara dan menghantar pegawai-pegawai ke misi-misi projek luar negara. Meliputi negara-negara anggota ASEAN hingga ke Eropah, dari Timur Tengah ke Asia Timur, pegawai-pegawai MIDA mengembara jauh untuk mengukuhkan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan dan memupuk peluang-peluang pelaburan.

MIDA tetap komited dalam mengekalkan saluran komunikasi yang terbuka dengan para pelabur, komuniti perniagaan dan orang awam sebagai tunjang strategiknya. Bagi menyokong semua pihak yang berkepentingan, MIDA menganjurkan seminar, taklimat dan perbincangan meja bulat di samping mengumpul pandangan dan idea. Melalui hubungan dengan pelabur tempatan dan asing ini, agensi ini telah dapat menangani isu-isu penting seperti pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), peraturan-peraturan untuk pekerja asing dan insentif untuk ekosistem utama di Malaysia. Dalam peranannya sebagai penasihat promosi pelaburan, MIDA juga bekerjasama dengan penggubal dasar serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk merapatkan jurang dengan menyediakan insentif dan program.

MIDA meneruskan usaha menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti promosi untuk mempamerkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik, sejajar dengan Model Ekonomi Baharu (NEM) serta matlamat yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Pendekatan MIDA yang bersasaran ini tertumpu terhadap pelaburan yang berkualiti, terutamanya dalam teknologi yang baharu dan baru muncul yang dapat membantu Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Fasilitasi bagi pelaburan R&D ialah satu bidang tumpuan bagi agensi dan bertujuan untuk memangkinkan pertumbuhan industri bernilai-tinggi dan berteknologi-tinggi.

Sepanjang tahun ini, MIDA telah menerima 1,050 pertanyaan daripada syarikat-syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah menganjurkan sesi taklimat kepada delegasi asing, organisasi sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi Kerajaan untuk memaklumkan kepada mereka maklumat terkini mengenai dasar, insentif dan suasana perniagaan terkini di Malaysia. Agensi ini telah menerima lebih daripada 350 lawatan daripada delegasi-delegasi luar negara. MIDA telah memberi taklimat kepada para pengunjung mengenai dasar, kemudahan, insentif dan peluang pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan.

## Menjelajah ke luar negara untuk menarik masuk

Dalam tahun 2014, program promosi dan aktiviti MIDA termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Missions,* TIM), mesyuarat meja bulat dan seminar mini, Misi Projek Khusus, seminar/forum/dialog antarabangsa dengan dewan perniagaan asing serta iklan dan advertorial. Program-program ini bertujuan untuk menarik pelaburan baharu serta menggalakkan pelaburan semula (pembesaran dan pempelbagaian) terutamanya dalam industri teknologi-tinggi, berintensifkan modal, berasaskan pengetahuan dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Dalam usaha untuk menggalakkan aliran masuk FDI yang berkualiti dan mampan, MIDA telah menganjur dan mengambil bahagian dalam tujuh TIM di luar negara dalam tahun 2014. Misi-misi ini telah menyaksikan penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia, termasuk pegawai daripada kerajaan negeri dan koridor ekonomi serantau, serta wakil daripada sektor swasta. Objektif utama TIM adalah untuk memaklumkan kepada pelabur-pelabur asing tentang iklim perniagaan terkini di Malaysia, sambil meningkat dan menggalakkan peluang-peluang perniagaan dan perkongsian. Misi-misi ini telah merangkumi seminar mengenai peluang perniagaan dan pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pemadanan perniagaan dan sesi perangkaian.

Sempena lawatan rasmi YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, ke Republik Rakyat China, MIDA telah menganjurkan satu misi perdagangan ke Guangzhou, Xi'an dan Beijing dari 25 Mei hingga 1 Jun, 2014. Misi ini, yang diketuai oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, telah mengambil bahagian dalam seminar mempromosikan peluang-peluang perniagaan di Malaysia dan di Guangzhou, yang dihadiri oleh 605 peserta industri, dan turut menyertai majlis peringatan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China. Misi itu juga menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman dan perjanjian perdagangan bernilai sebanyak AS$800 juta.

Pada tahun 2014 juga pejabat MIDA di Beijing telah ditubuhkan sebagai komplemen kepada aktiviti-aktiviti pejabat MIDA di Shanghai dan Guangzhou.

Dari 29 September hingga 2 Oktober, 2014, Dato' Sri Mustapa telah mengetuai satu misi perdagangan ke Republik Korea dan Jepun, diiringi oleh delegasi yang terdiri daripada lapan syarikat tempatan serta wakil daripada MITI, MIDA, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Misi ini mengambil bahagian dalam seminar perniagaan, acara perangkaian dan pemadanan perniagaan dan juga pertemuan dengan syarikat Jepun dan Korea. Salah satu daripada matlamat misi ini adalah untuk meningkatkan pelaburan langsung asing




YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berucap di satu seminar di Guangzhou mengenai peluang perniagaan di Malaysia, semasa misi perdagangan ke Republik Rakyat China dari 25 Mei hingga 1 Jun.





dalam subsektor seperti E&E, teknologi hijau, automotif, dan ICT.

Dato' Sri Mustapa juga mengetuai satu misi ke Eropah pada 11-12 Oktober, meliputi Munich, Duesseldorf, Milan dan Madrid. Tujuan misi ini adalah untuk mempromosikan peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di Malaysia, memperkukuhkan perangkaian perniagaan dan menubuhkan usaha kerjasama.

MIDA telah terlibat dalam penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat, pertemuan peribadi dan lawatan ke syarikat tertentu sempena lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIDA dalam tahun 2014. Aktiviti-aktiviti ini telah dianjurkan dengan tujuan untuk memaklumkan kepada pemimpin-pemimpin industri mengenai peluang-peluang perniagaan dan perkembangan ekonomi terkini di Malaysia.

MIDA bersama-sama dengan MITI telah menganjurkan mesyuarat meja bulat pada 28-30 Oktober sempena lawatan kerja Perdana Menteri Dato' Seri Najib ke Dubai, UAE untuk Forum Ekonomi Dunia Islam (*World Islamic Economic Forum,* WIEF) yang ke-10. Di mesyuarat meja bulat tersebut, Dato' Seri Najib telah bercakap dengan para pelabur UAE mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

MIDA telah menganjurkan sejumlah 19 Misi Projek Khusus di luar negara pada tahun 2014. Misi-misi ini menyasarkan syarikat-syarikat terpilih yang berkaitan dengan industri teknologi-tinggi, berintensif modal dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di samping itu, MIDA menganjurkan Program Pemimpin Industri (*Industry Leader's Programme,* ILP) untuk Semiconductor Research Corporation (SRC), sebuah konsortium penyelidikan teknologi yang berpangkalan di Amerika Syarikat, untuk memberi pendedahan untuk industri semikonduktor Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan, inisiatif perangkaian dan program kesedaran awam, MIDA telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam sembilan seminar, forum dan taklimat antarabangsa dalam tahun 2014. Ini termasuk Forum Ekonomi Dunia 2014 di Davos, Switzerland; Forum Peluang Pelaburan dengan Presiden Filipina; Persidangan Perniagaan Melayu Muslim 2014; Forum Ekonomi Dunia Asia Timur 2014 di Manila, Filipina; dan sesi-sesi ke-3 dan ke-4 Kumpulan Bekerja Kerjasama Perindustrian MIDA-EDM di Singapura.

## Inilah jalan ke ASEAN

ASEAN merupakan salah satu pasaran yang paling bertenaga dan dinamik di dunia dengan 600 juta pengguna, termasuk populasi kelas pertengahan yang muda dan kian bertumbuh. Rantau ini mempunyai kekayaan semula jadi, infrastruktur yang semakin teguh, dan persekitaran yang mesra-perniagaan. Pelabur-pelabur telahpun mengenalpasti rantau ini kerana kehadiran korporat yang berkembang bagi memanfaatkan kelebihan daya saingnya. Melangkah ke hadapan, Malaysia selaku pengerusi ASEAN pada tahun 2015 akan membantu untuk merealisasikan potensi

asean

**Sebagai destinasi untuk FDI, ASEAN telah menarik pelaburan yang sama banyak dengan China dalam tahun 2013, iaitu lebih daripada AS$122 bilion, yang mewakili lebih daripada lapan peratus daripada aliran global FDI.**

pasaran ASEAN yang lebih bersatu melalui Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang telah lama ditunggu-tunggu.

Daya tarikan ASEAN hanya akan meningkat dengan kewujudan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership,* RCEP), yang akan menggabungkan negara-negara ASEAN dengan Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand, membentuk satu blok perdagangan tunggal yang terbesar di dunia. Rangka kerja bagi RCEP tersebut dapat dilakukan disebabkan oleh FTA enam negara ini dengan ASEAN. Selain daripada RCEP, laluan lain ke perdagangan bebas Asia Pasifik terletak pada Perkongsian Trans Pasifik (*Trans Pacific Partnership,* TPP). Malaysia sedang meneruskan rundingan untuk merealisasikan Perjanjian TPP.

Integrasi masa depan ASEAN telah diberi tumpuan di Forum Ekonomi Dunia Asia Timur 2014, yang diadakan dalam bulan Mei di Filipina. Dengan bertemakan *'Leveraging Growth for Equitable Progress'* forum ini memberi tumpuan kepada perjalanan ASEAN ke arah merealisasikan AEC, agenda AEC selepas 2015 dan kesannya ke atas rantau Asia Timur. Dato' Sri Mustapa telah mengetuai delegasi Malaysia itu dan menyumbang sebagai ahli panel dalam sesi *'Connect on Trade: Lifting Barriers to Growth'*. Dato' Sri Mustapa turut mengambil bahagian dalam sesi peribadi *'ASEAN Partnership Programme for East Asia: Advancing the ASEAN Economic Community through Public-Private Collaboration'* dan *'AEC 2015: What Next?'*

Di samping itu, MIDA telah mengambil bahagian dalam *ASEAN Finance Ministers Investor Seminar* (AFMIS) 2014, yang juga diadakan di Filipina sebelum Forum Ekonomi Dunia Asia Timur 2014. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang potensi perniagaan FTA China-ASEAN, MIDA telah menghadiri Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) ke-11 di Nanning, China dalam bulan September, di mana pelbagai produk, bahan dan sumber tenaga telah dipamerkan kepada komuniti perniagaan China dan ASEAN.

## Peluang tempatan

Kerajaan terus mengakui peranan penting yang dimainkan oleh syarikat-syarikat tempatan dalam memenuhi matlamat pelaburan Malaysia dan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kepentingan pelabur-pelabur domestik Malaysia kekal tinggi dalam tahun 2014. Pelabur-pelabur domestik memberi sumbangan yang besar kepada prestasi pelaburan Malaysia, menyumbang sebanyak 72.6 peratus daripada pelaburan yang diluluskan, yang hampir sepadan dengan sasaran ETP sebanyak 73 peratus. Untuk memudahkan dan menyokong pelabur-pelabur tempatan, pegawai-pegawai MIDA telah menjalankan banyak seminar, bengkel kerja dan program lain sepanjang tahun.

MIDA telah menganjurkan lima seminar/bengkel kerja yang khusus industri dengan kerjasama Bahagian Penubuhan Serantau dan Pengurusan Rantaian Pembekalan, Bahagian Kimia dan Bahan Termaju dan Bahagian Jentera & Peralatan and Kejuruteraan Termaju untuk memberi maklumat terkini mengenai trend industri dan menyebarkan maklumat tentang peluang-peluang perniagaan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Para peserta telah mendapat maklumat yang berharga mengenai inisiatif dan insentif Kerajaan, dan juga mendapat manfaat daripada peluang-peluang perangkaian dengan MIDA dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Untuk mengekalkan komunikasi terbuka dengan komuniti perniagaan serta peserta-peserta industri domestik utama, MIDA telah mengadakan tujuh sesi perangkaian di peringkat negeri dalam tahun 2014. Agensi ini telah juga menambah jumlah mesyuaratnya dengan konglomerat tempatan untuk meliputi sejumlah tujuh konglomerat yang berlainan yang boleh menjadi penambat untuk ekosistem perniagaan mereka.

Dalam bulan April, Bahagian Perkhidmatan Infrastruktur dan Industri telah mengadakan sesi perangkaian dengan syarikat-syarikat tempatan dan luar negara. Sesi ini telah menyediakan maklumat terkini mengenai isu-isu pelaksanaan GST, prosedur permohonan untuk pekerja asing dan insentif untuk penggunaan kecekapan tenaga. Pada bulan November MIDA telah mengadakan sesi kesedaran GST disasarkan khusus kepada persatuan-persatuan dan syarikat-syarikat O&G.

Dalam tahun 2014 MIDA telah menganjurkan sebanyak empat program *Outreach* bagi memudahkan Pesatuan Industri tempatan. Program-program ini telah menyediakan maklumat terkini dan peluang-peluang perangkaian bagi SMI Malaysia (Cawangan Sarawak), Palm Oil Cluster (POIC) Sabah, Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PPIPBM) dan Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM).

## Projek-projek Dipacu Bakat

Bahagian Pengurusan Bakat MIDA telah ditubuhkan dalam tahun 2013 untuk mengenal pasti keperluan modal insan para pelabur dan membantu merapatkan jurang yang wujud antara industri dan penyedia–penyedia pendidikan/latihan. Sepanjang tahun 2014, Bahagian ini terus melibatkan ramai penggubal dasar serta pihak yang berkepentingan untuk membangunkan rangka kerja fasilitasi yang sesuai. Melalui penyertaannya dalam 10 jawatankuasa, kumpulan kerja dan inisiatif–inisiatif lain, MIDA menyokong penggubalan strategi dan pelan tindakan yang berkait dengan pembangunan modal insan.

MIDA telah bergantung kepada perkongsian dan kolaborasinya , serta program pembangunan bakat yang sedia ada melalui Rangkaian Titik Fokus (*Focal Point Network*), untuk membantu syarikat–syarikat memenuhi keperluan bakat mereka. Program–program pembangunan bakat ini termasuk Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*, ICoE) di bawah Kementerian Pendidikan dan Program Pelatihan Terstruktur (*Structured Internship Programme,* SIP) di bawah TalentCorp. Setakat ini lebih daripada 140 buah syarikat telah mendapat manfaat daripada fasilitasi bakat Bahagian tersebut.

MIDA telah juga bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) untuk mempertemukan pelajar dengan majikan bagi mewujudkan peluang–peluang pekerjaan, pelatihan dan perangkaian. MIDA telah juga menjalankan program–program perkongsian maklumat dan *outreach* dengan sejumlah enam universiti dan pusat latihan tempatan untuk memaklumkan kepada mereka tentang trend dalam sektor–sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Di samping itu, MIDA telah menganjurkan lawatan–lawatan promosi dan penandaan aras ke Republik Korea dan Taipei China serta ke Amerika Syarikat untuk menanda aras pelbagai model pengurusan bakat yang diguna pakai oleh peserta industri dan agensi kerajaan di negara–negara tersebut ini.




Upacara rasmi penyerahan kenderaan-kenderaan HAZMAT dan dekontaminasi kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), dirasmikan oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, hadir untuk menerima kenderaan-kenderaan itu. MIDA telah diwakili oleh Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA, dan Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA.

## Menggalakkan usaha berani

Sebagai mengiktiraf aktiviti-aktiviti para pelabur dalam tahun 2014, MIDA telah menganjurkan pelbagai lawatan Turun Padang, sidang media dan majlis menandatangani perjanjian untuk menyokong projek-projek yang patut diberi perhatian.

Sebanyak sepuluh lawatan Turun Padang telah diatur untuk YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan YB Datuk Ir Haji Hamim Samuri, Timbalan Menteri, MITI, dalam tahun 2014. Lawatan-lawatan ini merentasi seluruh negara, meliputi tempat-tempat di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah. Dalam bulan April, MIDA telah menganjurkan lawatan Turun Padang untuk Dato' Sri Mustapa untuk melawat SR Technics Malaysia Sdn Bhd di Selangor. Semasa lawatan itu, Dato' Sri Mustapa telah juga mempengerusikan mesyuarat meja bulat dengan peserta industri terpilih di Selangor untuk memberi maklumat terkini serta mendapatkan maklum balas. Kemudian, dalam bulan Jun, Dato' Sri Mustapa telah melawat dua buah syarikat di Johor, iaitu M East Sdn Bhd (Marlborough College) dan Iskandar Malaysia Studios Sdn Bhd (Pinewood Studios), dan juga mengambil bahagian dalam satu upacara pecah tanah untuk Nusajaya Tech Park.

Dalam bulan Jun 2014, MIDA juga menyaksikan majlis penyerahan kenderaan-kenderaan HAZMAT dan dekontaminasi kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kedua-dua Dato' Sri Mustapa dan Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah hadir. Kenderaan-kenderaan itu, yang bernilai RM8 juta, telah ditempatkan di kawasan-kawasan perindustrian di Alor Gajah, Melaka dan Bintulu, Sarawak untuk membantu melindungi industri-industri E&E dan kimia daripada kecemasan industri. Juga dalam bulan Jun, di satu sidang media bersama Kumpulan Johor Corporation (JCorp), Dato' Sri Mustapa telah mengumumkan kelulusan lapan projek pelancongan penjagaan kesihatan bernilai RM561.4 juta daripada KPJ Healthcare Berhad yang merupakan ahli JCorp.





Dalam bulan Julai, MIDA telah menganjurkan satu dialog dengan syarikat-syarikat aeroangkasa. Dialog yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Mustapa itu, menarik syarikat-syarikat aeroangkasa Malaysia seperti Airbus Customer Services Sdn Bhd, CTRM, Sepang Aircraft Engineering, SME Aerospace, dan Spirit Aerosystems. Dalam sesi tersebut syarikat-syarikat telah dimaklumkan mengenai aktiviti promosi MIDA dan MATRADE di Farnborough International Airshow (FIA) 2014 di Hampshire, United Kingdom, dan juga mengenai perkembangan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (*Malaysia Industry-Government Group for High Technology,* MIGHT) dalam membangunkan Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa untuk 2015-2030.

Pada bulan September 2014, YBhg. Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA, telah melancarkan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence,* COE) ViTrox Technologies Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas di Pulau Pinang. COE ini memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem penglihatan mesin di Malaysia untuk memanfaatkan pasaran global yang semakin meningkat bagi teknologi-teknologi penglihatan mesin dan produk-produk dan penyelesaian berkaitan dengan penglihatan, yang dianggarkan akan mencecah AS$33 bilion pada tahun 2020.

MIDA juga telah memberi sokongan kepada Kayaku Safety Systems (Malaysia) Sdn Bhd di majlis pelancaran syarikat itu pada bulan Oktober 2014 di Sendayan Techvalley, Negeri Sembilan. Kilang di Sendayan TechValley itu akan melabur sebagai permulalan sebanyak RM212.5 juta untuk pengeluaran inflator beg udara dan komponen-komponen lain untuk kenderaan komersial bagi memenuhi permintaan dalam pasaran automotif ASEAN yang semakin meningkat.

Dalam bulan Disember 2014, YBhg. Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, telah merasmikan pelancaran *Island Site* bagi Exclusive Master (M) Sdn Bhd di Pulau Pinang. Kemudahan ini membolehkan syarikat itu mengembangkan operasinya untuk pemasangan dan pengujian peralatan dan ini termasuk juga sebuah makmal khusus untuk R&D.

MIDA kekal sebagai peserta penting dalam pelbagai acara yang dianjurkan oleh Kementerian dan agensi lain sepanjang tahun 2014. Ini termasuk dua program latihan mengenai promosi pelaburan untuk negara-negara Afrika yang dianjurkan bersama oleh Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme,* MTCP) di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (*Japan International Cooperation Agency,* JICA).

MIDA telah bekerjasama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) semasa melakukan lawatan suai kenal dan menghadiri program latihan untuk KAZNEX, Agensi Eksport dan Pelaburan Negara Kazakhstan. MIDA juga telah bekerja rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan IDB mengenai program membiasakan diri untuk pegawai-pegawai dari agensi-agensi promosi pelaburan daripada negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Semasa Pameran dan Persidangan *5th International Greentech and Eco Products Malaysia* (IGEM 2014), persidangan teknologi hijau yang terbesar di Asia, MIDA telah menyediakan perundingan perniagaan dan membuat pembentangan mengenai 'Peluang Pelaburan dalam Teknologi Hijau.'

MIDA juga ialah peserta dalam Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) 2014 pada bulan Disember. Pameran ini, yang diadakan di Melaka, menyediakan platform bagi pengusaha domestik untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa.

## Dana strategik pelaburan domestik

Dana Strategik Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Strategic Fund,* DISF) telah dilancarkan pada tahun 2012 dengan tujuan untuk mempercepatkan penyertaan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. DISF menyediakan geran sepadan bagi menampung perbelanjaan yang ditanggung untuk melatih rakyat Malaysia; aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia; pemodenan dan peningkatan kemudahan dan peralatan untuk menjalankan aktiviti perkilangan atau perkhidmatan untuk syarikat-syarikat multinasional (MNC) dan konglomerat Malaysia; mendapatkan piawaian/pensijilan antarabangsa; dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu/ tinggi.

Setakat 31 Disember 2014, sejumlah 148 projek dengan pelaburan bernilai RM6.3 bilion telah diluluskan geran sebanyak RM631.8 juta. Hampir separuh (49.7%) daripada geran itu akan digunakan untuk pembelian peralatan baharu sementara aktiviti R&D akan merangkumi 34.8 peratus. Dua industri yang mendapat bahagian terbesar geran itu ialah E&E (28.9%) dan Jentera dan Kejuruteraan Termaju (24.1%).

Di bawah program DISF, MIDA menyesuaikan pakej-pakej insentif berdasarkan keperluan individu setiap syarikat, untuk membantu memastikan kemampanan dalam jangka panjang. Sektor-sektor yang dipromosi di bawah program DISF ialah aeroangkasa, peranti perubatan, farmaseutikal, jentera dan peralatan, elektronik dan perkhidmatan termaju termasuk reka bentuk, R&D, pengujian, pensijilan kualiti dan piawaian, perkhidmatan kejuruteraan, latihan teknikal dan kemahiran, dan logistik. Industri-industri lain yang berpotensi akan dipertimbangkan berdasarkan merit.

## Sepatah dua kata bersama media

Media mempunyai peranan yang penting dalam menyokong dan menyebarkan usaha-usaha promosi pelaburan MIDA. Dalam tahun 2014, MIDA meneruskan aktiviti-aktiviti kesedaran dan perhubungan awam melalui iklan dan advertorial dalam media cetak, penyiaran dan dalam talian, termasuk penerbitan domestik dan luar negara.

Di bawah Program Lawatan Pemberita, MIDA telah menganjurkan lawatan ke Malaysia untuk seorang wartawan terkemuka dari akhbar China Daily untuk membantunya membiasakan diri dengan suasana pelaburan tempatan.

MIDA juga telah menjalankan Program Wartawan Tempatan untuk memberi tumpuan yang lebih banyak mengenai industri-industri pertubuhan serantau dan pengurusan rantaian bekalan, aeroangkasa dan perkhidmatan O&G. Ahli-ahli media telah mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang perspektif makro industri-industri ini, cabaran-cabaran yang dihadapi dan peranan-peranan yang dimainkan dalam mencipta kesan pengganda yang positif kepada negara serta peranan Kerajaan dalam membangunkan dan mempromosikan mereka. Program-program ini telah berjaya mempromosikan industri-industri terpilih dan mendapat liputan meluas di media elektronik dan cetak.





# Bertukar Hijau




**Pegawai MIDA membuat pembentangan mengenai 'Peluang Pelaburan dalam Teknologi Hijau' di IGEM 2014.**

Penggunaan teknologi yang lebih hijau dan lebih cekap untuk penjanaan tenaga dan pengurusan alam sekitar akan menjadi satu bahagian penting dalam strategi pertumbuhan Malaysia pada masa hadapan. Bahagian Teknologi Besih dan Pengurusan Persekitaran yang baharu telah ditugaskan untuk memudahkan peserta–peserta industri untuk memahami manfaat dan insentif berkaitan kecekapan tenaga dan teknologi bersih. Kerajaan telah memperkenalkan insentif indeks bangunan hijau (green building index, GBI) serta beberapa insentif cukai dan pengecualian lain untuk menggalakkan trend ini.

Dalam bulan Oktober, MIDA telah berada di Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia ke–5 (IGEM 2014) untuk memberi khidmat perundingan perniagaan dan meningkatkan kesedaran mengenai peluang–peluang pelaburan dalam beberapa industri yang berkaitan. Bertemakan "Mencipta Kekayaan Hijau," IGEM 2014 telah dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan tujuan untuk meningkatkan penggunaan pesat teknologi hijau sebagai satu cara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan sambil menangani isu–isu alam sekitar dan keselamatan tenaga. Persidangan itu menarik 357 pempamer peserta pameran dan hampir 50,000 pengunjung, dan menjana kira–kira RM1.9 bilion *business leads.*

Bahagian Teknologi Bersih dan Pengurusan Persekitaran ialah satu daripada bahagian–bahagian yang terlibat dalam menyediakan sokongan pada sesi Green Insights, bersama–sama dengan bahagian–bahagian Teknologi Bangunan dan Gaya Hidup, Elektrikal dan Elektronik serta Teknologi Pengangkutan. Persembahan MIDA mengenai 'Peluang Pelaburan dalam Teknologi Hijau' menekankan potensi subsektor–subsektor ini dan menyediakan maklumat terkini mengenai dasar–dasar kerajaan, insentif, kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang tersedia untuk pelabur tempatan dan asing.




# Penyata Kewangan

*Penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.*





## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Ahli Jemaah Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Jemaah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397]. Ahli Jemaah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.
Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**(DATIN PADUKA ONG SWEE LENG)**
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 JULAI 2015

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** dan **TAN SRI DR. REBECCA FATIMA STA MARIA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

| Bagi pihak Lembaga Pengarah, | Bagi pihak Lembaga Pengarah, |
|---|---|
| ............................................ | ............................................ |
| **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** | **TAN SRI DR. REBECCA FATIMA STA MARIA** |
| PENGERUSI | AHLI LEMBAGA PENGARAH |
| 6 JULAI 2015 | 6 JULAI 2015 |
| KUALA LUMPUR | KUALA LUMPUR |



## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di KUALA LUMPUR )
pada 6 JULAI 2015 )

............................................
**DATO' AZMAN MAHMUD**

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W465
Nama: KAPT. (B) MSNI BIN YUSOFF
MALAYSIA

Di hadapan saya,

............................................
PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019-6680745

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

| | Nota | 2014 (RM) | 2013 (RM) |
|---|---|---|---|
| **ASET TETAP** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 6 | 171,206,633 | 187,653,236 |
| Pembinaan dalam Kemajuan | 7 | 12,401,089 | 3,392,323 |
| Penghutang | 8 | 1,768,080 | 505,102 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Penghutang | 8 | 723,549 | 57,712,811 |
| Pendahuluan | | 114,563 | 193,934 |
| Deposit Diberi | | 6,006,706 | 6,629,466 |
| Bayaran Terdahulu | | 3,757,123 | 5,346,598 |
| Simpanan Tetap Di Bank Berlesen | | 200,000,000 | 340,000,000 |
| Wang Di Bank Dan Di Tangan | | 54,069,994 | 26,312,243 |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | **264,671,935** | **436,195,052** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Akaun–Akaun Khas | 9 | 152,984,268 | 290,539,772 |
| Pelbagai Pemiutang | 10 | 65,807,954 | 54,484,820 |
| Manfaat Pekerja Jangka Pendek | 11 | 522,514 | 793,769 |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | 219,314,736 | 345,818,361 |
| **JUMLAH ASET SEMASA BERSIH** | | 45,357,199 | 90,376,691 |
| **JUMLAH ASET BERSIH** | | **230,733,001** | **281,927,352** |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus | | 25,555,760 | 61,406,626 |
| Kumpulan Wang Terkumpul Pembangunan | 16 | 192,154,176 | 208,405,207 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | | 3,000,000 | 3,000,000 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer | | 350,000 | 350,000 |
| | | **221,059,936** | **273,161,833** |
| **LIABILITI JANGKA PANJANG** | | | |
| Manfaat Pekerja Jangka Panjang | 11 | 9,673,065 | 8,765,519 |
| | | **230,733,001** | **281,927,352** |

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*



## PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | Nota | 2014 (RM) | 2013 (RM) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Geran Kerajaan | | 167,150,500 | 140,000,000 |
| Lain–lain Perbelanjaan | 12 | 20,003,634 | 20,694,851 |
| | | **187,154,134** | **160,694,851** |
| **TOLAK: PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | 13 | 99,045,811 | 81,094,988 |
| Lain–lain Perbelanjaan | 14 | 106,181,558 | 106,171,033 |
| Susutnilai | 6 | 17,777,631 | 18,117,512 |
| | | **223,005,000** | **205,383,533** |
| **(KURANGAN) BERSIH TAHUN SEMASA** | | **(35,850,866)*** | **(44,688,682)** |

**NOTA**

** Kurangan bersih tahun semasa sebanyak RM35,850,866 adalah dibiayai daripada rizab MIDA yang diluluskan oleh Jemaah MIDA.*

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

| | Kumpulan Wang Mengurus (RM) | Kumpulan Wang Pembangunan (RM) | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM) | Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki pada 1 Januari 2013** | 106,095,308 | 225,640,657 | 3,000,000 | 350,000 | 335,085,965 |
| Pindahan geran pembangunan ke akaun–akaun khas | – | (1,493,106) | – | – | (1,493,106) |
| Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan | (44,688,682) | 789,157 | – | – | (43,899,525) |
| Penggunaan dalam tahun | – | (16,531,501) | – | – | (16,532,501) |
| **Baki pada 31 Disember 2013** | **61,406,626** | **208,405,207** | **3,000,000** | **350,000** | **273,161,833** |
| Pindahan geran pembangunan ke akaun–akaun khas | – | – | – | – | 0 |
| Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan | (35,850,866) | 307,354 | – | – | (35,543,512) |
| Penggunaan dalam tahun | – | (16,558,385) | – | – | (16,558,385) |
| **Baki pada 31 Disember 2014** | **25,555,760** | **192,154,176** | **3,000,000** | **350,000** | **221,059,936** |

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*





**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014**

| | Nota | 2014 (RM) | 2013 (RM) |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | |
| (Kurangan) Bersih Tahun Semasa | | (35,850,866) | (44,688,682) |
| Pelarasan bagi: | | | |
| Faedah atas deposit di bank | | (2,334,458) | (3,270,010) |
| Hibah atas Pembiayaan Komputer | | (753) | (1,397) |
| Faedah atas Pinjaman Kenderaan | | (31,969) | (31,705) |
| Faedah atas Deposit | | – | (4,247) |
| Keuntungan Atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | (236,739) | – |
| Kerugian atas penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 246,756 | 9,268 |
| Pengiktirafan Geran Tertunda | | (16,558,385) | (16,531,501) |
| Susutnilai | 6 | 17,777,631 | 18,117,512 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | | 1,557,783 | 1,425,811 |
| Hapuskira Penghutang | | – | 1,737 |
| **(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja** | | **(35,431,000)** | **(44,973,214)** |
| Perubahan Modal Kerja:– Kurangan/(tambahan) | | | |
| Penghutang | | 55,726,284 | (56,258,970) |
| Pendahuluan | | 79,371 | 18,323 |
| Deposit Diberi | | 622,760 | (137,234) |
| Bayaran Terdahulu Tambahan/(kurangan) | | 1,589,475 | (1,104,622) |
| Pelbagai Pemiutang | | 11,323,134 | 16,119,515 |
| **Tunai (digunakan) daripada operasi** | | **33,910,024** | **(86,336,202)** |
| Pembayaran manfaat pekerja | | (921,493) | (454,003) |
| **TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | **32,988,531** | **(86,790,205)** |

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*

Bersambung >>

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014 *(SAMB)*

*<< Sambungan*

| | Nota | 2014 (RM) | 2013 (RM) |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | | (1,822,917) | (2,226,447) |
| Permodalan Projek ICT/Bangunan MIDA– Pembinaan Dalam Kemajuan | | 21,885 | 478,293 |
| Kutipan daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 481,873 | 46,791 |
| Penerimaan Bagi Hibah Atas Pembiayaan Komputer | | 753 | 1,397 |
| Pembayaran bagi Pembinaan dalam Kemajuan | | (9,030,651) | (3,392,323) |
| Penerimaan Geran Pembangunan | | – | – |
| Pindahan Geran Pembangunan ke Akaun–Akaun Khas | | – | (1,493,106) |
| Faedah Diterima– Kumpulan Wang Pembangunan | | 484,407 | 779,627 |
| Pendapatan sewa akaun pembangunan | | – | 21,395 |
| Pembayaran bagi perbelanjaan Pembangunan | | (177,053) | (11,865) |
| Penerimaan Geran Pembangunan – Akaun–Akaun Khas | | 321,649,519 | 223,679,071 |
| Faedah Diterima – Akaun–Akaun Khas | | 9,394,246 | 12,922,148 |
| Pembayaran bagi Akaun–Akaun Khas | | (468,599,269) | (383,983,316) |
| Faedah atas deposit di bank | | 2,334,458 | 3,270,010 |
| Faedah atas Pinjaman Kenderaan | | 31,969 | 31,705 |
| Faedah atas deposit | | – | 4,247 |
| **Tunai Bersih (Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan** | | **(145,230,780)** | **(149,872,373)** |
| **(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | | **(112,242,249)** | **(236,662,578)** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN:** | | | |
| Kesan kadar perubahan kadar pertukaran mata wang asing keatas tunai dan setara tunai | | 26,064 | (16,856) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan selepas kesan kadar pertukaran mata wang asing | | 366,286,179 | 602,991,677 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN** | **15** | **254,069,994** | **366,312,243** |

*Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.*





### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

#### 1. Maklumat umum

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA di tempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan telah dibentang dan diluluskan melalui resolusi Ahli Jemaah pada 6 Julai 2015.

#### 2. Asas perakuan

Penyata Kewangan ini disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk 'Private Entity Reporting Standard' (PERS) yang dikeluarkan oleh 'Malaysian Accounting Standards Board' (MASS) dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

#### 3. Polisi pengurusan risiko kewangan

Bagi MIDA, polisi pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk mencapai objektifnya disamping menguruskan risiko-risikonya berkaitan matawang asing, kredit dan kecairan dan aliran tunai. MIDA tidak terbabit dalam risiko pasaran dan risiko kadar faedah disebabkan MIDA tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi di pasaran saham dan pinjaman daripada institusi kewangan.

**a) Risiko matawang asing**

Risiko matawang asing berlaku akibat daripada membiayai kos operasi 24 pejabat-pejabat MIDA di luar negara. Bagi pemantauan risiko tersebut, penghantaran wang untuk kos operasi pejabat-pejabat tersebut dibuat secara bulanan atau apabila diperlukan dengan menggunakan kadar pertukaran matawang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

**b) Risiko kredit**

Risiko kredit dikawal dengan memastikan bahawa Penghutang Pinjaman mematuhi syarat-syarat pinjaman selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA.

**c) Risiko kecairan dan aliran tunai**

MIDA berusaha dalam mengurus geran-geran yang diterima dari kerajaan Persekutuan, aliran tunai operasi dan dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja agar pengagihan dan penggunaan dana dapat diselaraskan.

#### 4. Dasar–dasar perakaunan yang penting

**a) Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1,000 seunit dan ke atas setiap satu atau hartanah, loji dan peralatan yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan adalah dipermodalkan. Perabot, permaidani, langsir serta sekatan pejabat dan seumpamanya tanpa mengira kosnya tidak dipermodalkan.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak peruntukan susutnilai dan penjejasan aset (jika ada) kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Perisian komputer yang dibeli secara pakej mengikut projek dipermodalkan. Susutnilai ke atas setiap hartanah, loji dan peralatan ditentukan berdasarkan kaedah garislurus berasaskan anggaran jangka hayat hartanah, loji dan peralatan. Kadar-kadar susutnilai adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% setahun |
| Mesin dan peralatan pejabat | 10% setahun |
| Kenderaan | 20% setahun |
| Komputer, peralatan dan perisian | 20% setahun |
| Pengubahsuaian pejabat | 20% setahun |

**b) Penghutang**
Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskira dan peruntukan akan dibuat ke atas hutang yang diragui akan pungutannya.

**c) Akaun khas**
Segala terimaan dikreditkan dan segala penggunaan didebitkan kepada akaun tersebut. Saki akaun khas pada tarikh lembaran imbangan diambilkira sebagai liabiliti. Akaun khas yang diuruskan oleh MIDA, dibiayai oleh pihak ketiga mengikut projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu.

**d) Geran–geran Kerajaan Persekutuan**
Geran mengurus tahunan yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus dalah diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa. Lain-lain geran yang diterima untuk membiayai kos projek pembangunan atau untuk membiayai kos projek tertentu adalah dikreditkan ke kumpulan wang pembangunan atau kumpulan wang berkaitan. Segala kegunaan didebitkan ke kumpulan wang yang berkenaan. Saki pada tarikh lembaran imbangan diambilkira sebagai baki kumpulan-kumpulan wang.

**e) Geran tertunda**
Geran tertunda adalah sebahagian daripada kumpulan wang pembangunan dan diiktiraf sebagai pendapatan dalam sesuatu tempoh bagi tujuan memadankan pendapatan tersebut dengan kos-kos yang berkaitan, dengan menggunakan asas yang sistematik.

**f) Pertukaran dan terjemahan matawang asing**

*(i) Urusniaga di dalam matawang asing*
Urusniaga di dalam matawang asing di sepanjang tahun telah ditukar kepada matawang Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga kecuali bagi kontrak yang disebut dalam matawang asing di mana kadar yang digunakan bagi maksud ini ialah kadar yang dikenakan oleh Bank Negara atau mana-mana kadar bank pada tarikh pembayaran dibuat.

Harta dan tanggungan kewangan dalam matawang asing pada tarikh lembaran imbangan telah diterjemahkan kepada matawang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh JAN pada tarikh tersebut. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran dan terjemahan telah diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

*(ii) Pejabat cawangan MIDA luar negara*
Operasi pejabat cawangan MIDA luar negara merupakan sebahagian daripada operasi Ibu Pejabat MWWIDA dan kadar pertukaran dan terjemahan adalah sama seperti polisi dinyatakan di atas.

*(iii) Kadar penutup*
Kadar penutup utama yang digunakan dalam pertukaran amaun matawang asing adalah seperti berikut:-

| Matawang | 2014 (RM) | 2013 (RM) |
|---|---|---|
| US Dollar | 3.3765 | 3.2297 |
| Australian Dollar | 2.9197 | 3.0158 |
| Euro | 4.2115 | 4.3557 |
| British Pound | 5.3290 | 5.1960 |
| China Renminbi | 0.5513 | 0.5301 |
| Swedish Krona | 45.5331 | 49.0327 |
| Japanese Yen | 2.9087 | 3.2334 |
| Taiwan Dollar | 10.9948 | 10.9400 |
| South Korea Won | 0.3077 | 0.3039 |
| UAE Dirham | 90.9323 | 87.0174 |
| Indian Rupee | 5.4800 | 5.1638 |
| Singapore Dollar | 2.6066 | 2.5899 |
| Thai Baht | 10.2969 | 10.2140 |
| South African Rand | 0.3043 | 0.3164 |







**g) Pengiktirafan pendapatan**
Faedah bank dan pendapatan sewa tanah diiktiraf dalam penyata pendapatan berasaskan prinsip perakaunan terakru. Faedah atas deposit di bank yang diterima atau dikenalpasti secara khusus kepada kumpulan wang pembangunan atau akaun-akaun khas adalah dikreditkan terus kepada kumpulan wang pembangunan atau akaun-akaun khas.

**h) Manfaat kakitangan MIDA**
*(i) Manfaat jangka pendek*
Gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan pekerja yang diiktiraf sebagai perbelanjaan tahun semasa.

*(ii) Pelan caruman tetap*
MIDA mencarum dalam skim persaraan yang diwajibkan oleh kerajaan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan Wang Amanah Pencen. Caruman yang dibuat diiktiraf sebagai perbelanjaan. Apabila caruman tersebut dibayar, pihak MIDA tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan pada masa hadapan.

*(iii) Manfaat jangka panjang*
**Gantian cuti rehat:**
